


**Jilid I**  
**Bil. 3**



**Hari Rabu**  
**11hb Oktober, 1978**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN RAKYAT**  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

**PARLIMEN KELIMA**  
*Fifth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 173]**

**USUL-USUL:**

**Jalan-jalan Masuk ke Parlimen [Ruangan 196]**

**Jawatankuasa Pemilih—Lantikan Ahli-ahli [Ruangan 197]**

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang  
di-Pertuan Agong [Ruangan 198]**

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KELIMA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tengguruh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri. TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungei Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

- Yang Berhormat TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datoh).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).

- Yang Berhormat TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAI BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MOY (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Rabu, 11hb Oktober, 1978
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN

## PENDATANG-PENDATANG HARAM

**1. Tuan Lee Boon Peng** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan apakah kedudukan sekarang mengenai pendatang-pendatang haram yang telah memasuki negara kita. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mencegah pendatang-pendatang haram dari memasuki negara kita. Bagaimana begitu ramai pendatang haram dapat memasuki negara kita serta mendapat kerja. Berapakah bilangan yang telah ditahan dan didakwa dan apakah bilangannya telah dihantar balik ke negara asal mereka.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahbuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, tindakan terhadap mereka yang masuk secara haram ke negeri ini adalah sentiasa diambil mengikut peraturan dan undang-undang di bawah Akta Imigresen. Mereka ini dihadapkan ke mahkamah dan seterusnya diusir keluar dari negeri ini.

Dalam tahun 1976 bilangan pendatang haram yang ditangkap adalah berjumlah seramai 3,205 orang. Dari jumlah ini seramai 1,763 orang telah didakwa di mahkamah dan diusir keluar selepas dijalan hukuman. Bilangan yang diusir terus selepas ditangkap adalah berjumlah sebanyak 1,442 orang.

Dalam tahun 1977 pula seramai 2,711 orang pendatang haram telah ditangkap dan seramai 1,573 orang telah didakwa di

mahkamah dan diusir keluar selepas didakwa dan seramai 1,138 orang telah diusir terus.

Dari bulan Januari hingga Jun tahun 1978 ini seramai 1,106 orang telah ditangkap. Dari jumlah ini seramai 477 orang telah didakwa di mahkamah dan seramai 261 orang telah diusir keluar selepas didakwa. Seramai 644 orang telah diusir terus dan bakinya seramai 201 orang lagi masih dalam tahanan.

Angka-angka ini adalah membuktikan bahawa tindakan yang berkesan sentiasa diambil dan pihak Jabatan Imigresen bersama-sama dengan pasukan keselamatan adalah sentiasa mengadakan rondaan-rondaan di sepanjang pantai untuk mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram ini. Kerjasama yang erat juga adalah diperolehi daripada negara-negara jiran seperti Indonesia, Singapura dan Thailand untuk mencegah bukan sahaja kemasukan haram tetapi juga kegiatan penyeludupan.

Bagi tujuan rondaan ini sebanyak 42 buah kapal sentiasa digunakan. Di samping itu tenaga baru iaitu daripada Jabatan Imigresen akan menambah lagi pegawai-pegawainya seramai 60 orang terutamanya di dalam Bahagian Penguatkuasa untuk menjalankan tugas mencegah kemasukan haram dengan memeriksa tempat-tempat atau kawasan-kawasan yang disyaki ada pendatang-pendatang haram dan juga Kerajaan akan membeli sebanyak 6 buah kapalterbang untuk menambah lagi tenaga rondaan daripada udara pula.

Namun demikian, dalam pengawalan pantai negara kita ini yang begitu panjang berjumlah lebih kurang lebih daripada 2,000 batu nautical maka pencegahan kemasukan adalah satu perkara yang amat sukar.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Adakah semua pendatang-pendatang haram ditangkap, didakwa dan diusir keluar dari

negara oleh kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tentu tahu di negeri Sabah ada lebih daripada 100,000 pendatang-pendatang haram ataupun dalam negara kita ada dua jenis pendatang-pendatang haram, satu jenis tidak didakwa dan diusir keluar dan satu jenis ditangkap, didakwa dan diusir keluar. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu penjelasan.

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, pendatang-pendatang haram sepertimana di Sabah ialah diclassify sebagai orang-orang pelarian (refugees) iaitu sebanyak lebih kurang 90,000 orang. Mereka itu adalah refugees yang mendatang dengan cara sementara untuk menunggu keputusan-keputusan yang akan diambil kelak, dan begitulah juga pendatang-pendatang haram di Semenanjung Malaysia ini yang berupa refugees daripada Vietnam sememangnya ada juga yang jumlahnya lebih kurang 16,000 orang dan juga adalah dianggap sebagai pendatang haram yang bercorak refugees yang akan tinggal di sini secara sementara.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Sabar, sabar! Bila sampai soalan tambahan tidak mesti Yang Berhormat yang dapat. Barangkali saya beri orang lain.

**Tuan Lim Kit Siang:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apalah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Terima kasih. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa refugees juga masuk ke dalam category pendatang haram. Di Negeri Sabah mereka bebas tinggal, kerja di dalam negeri Sabah tetapi nampaknya category pendatang haram mahupun refugees daripada Vietnam ada diasingkan di dalam satu pulau. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu penjelasan mengapa terdapat perbezaan dalam layanan ini?

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perbezaan tidaklah berbangkit mengenai pendatang-pendatang haram di Sabah . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Bila sebut pendatang haram itu biarlah jelas sedikit. Kalau tidak lain bunyinya. Saya tengok apabila menyebut pendatang itu, beberapa orang Ahli Yang Berhormat mendengar apa yang haram.

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Refugees dengan pendatang haram ini adalah lain sedikit. Refugees adalah orang-orang pelarian. Manakala pendatang haram ialah illegal immigrant yang datang dengan maksud untuk menetap atau duduk di sini dengan secara haram pada mulanya dan kemudian akan cuba menetap di sini dengan kekal. Walau bagaimanapun sebagai menjawab soalan tambahan Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu telah saya menyatakan tadi bahawa tidaklah ada beza, harus mereka itu mendapat pekerjaan di negeri Sabah umpamanya ialah pekerjaan sementara bagi mereka itu yang mana ini adalah didapati dengan tidak pengetahuan pihak Kerajaan.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, berapa ramaiakah pelarian dari Vietnam, dari Filipina dan lain-lain tempat yang dibenarkan tinggal di Malaysia?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi sudah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa jumlahnya kalau tidak salah saya 14,000 orang dari Vietnam dan 100,000 orang Filipina di Sabah dan menunggu masa serta keputusan untuk dihantar. Jadi tidak payahlah soal lagi kerana sudah jelas dijawab.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjelaskan iaitu Kerajaan kita ada mengambil tindakan terhadap pendatang-pendatang haram, bukannya refugees dan telah banyak diusir dan angka-angkanya telah dijelaskan.

Soalan saya hendak mengetahui, apabila mereka ini diusir dan dihantar balik tentulah kena perbelanjaan. Siapakah yang menanggung belanja menghantar mereka ini balik. Adakah kedutaannya yang pusat di negara kita ataupun wang Kerajaan kita sendiri yang mengusir menghantar mereka ini balik ke negeri asalnya.

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan bagi mengusir mereka ini ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan iaitu dengan menghantar mereka ini balik di negeri asalnya oleh bot-bot polis atau bot-bot tentera laut dengan sampan-sampan atau tongkang-tongkang yang mereka itu gunakan sendiri pada masa mereka itu datang ke negara kita.

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah benar selama ini orang masuk ke Malaysia iaitu pendatang haram ini banyak terdapat di Johor. Dan ramai orang ada bekerja dalam kawasan Karatong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kawasan mana?

**Tuan Lee Kaw:** Kawasan Karatong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat kawasan kenapa.

**Tuan Lee Kaw:** Tidak ianya dekat Segamat iaitu Karatong. Dan didapati ramai orang mempunyai kad pengenalan merah, Kluang.

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka telah ada kad pengenalan merah bererti mereka adalah bukan orang-orang pendatang haram.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu patut tahulah.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, sudah berapa lamakah orang-orang pelarian dari Filipina tinggal di Sabah dan adakah mereka ini diberi kad-kad pengenalan merah sebagai satu tanda bahawa mereka adalah permanent residents di Sabah.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, soalnya ialah soalan orang masuk secara haram. Kalau orang masuk secara haram, sudah tentu tidak diberi kad merah, dan akan diusir balik. Tetapi kepada orang yang sanggup duduk sebentar sebagai refugees kerana kita menunggu keputusan, maka terpaksa juga kita mengadakan satu-satu kertas pengenalan buat dirinya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi bukan kad merah?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Ya, bukan kad merah.

**Tuan P. Patto:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sudah berapa lamakah orang-orang pelarian daripada Filipina tinggal di Sabah setakat ini?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain daripada soalan asal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini boleh saya terima sebagai soalan lain.

**Tuan Lee Kaw:** Soalan tambahan. Apakah sebabnya double standard telah digunakan oleh Kerajaan untuk memberikan layanan kepada pelarian daripada Vietnam dan dari Filipina. Berasas criteria apakah layanan itu dibeza-bezakan antara pelarian-pelarian yang ada masuk ke Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini soalan pelarian dan sudah keluar daripada soalan asal.

**Tuan Lee Kaw:** Saya tarik balik. Sebenarnya pendatang-pendatang haram.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kalau pendatang-pendatang haram, boleh.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Itu sebenarnya sudah dinyatakan tadi pelarian daripada orang Vietnam sungguhpun dia masuk secara haram ke dalam negara begitu juga daripada Filipina tetapi itu adalah pelarian yang lain daripada soalan yang dimaksudkan daripada yang asal, iaitu orang yang masuk haram bukan disebabkan pelarian.

## PEMBENTUKAN RUKUN TETANGGA

2. **Tuan Oo Gin Sun** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau akan mengambil langkah-langkah untuk memperbaiki semula pada keseluruhannya pembentukan pertubuhan Rukun Tetangga, oleh sebab didapati beberapa pusat-pusat di Negeri Kedah yang tiada bergerak atau jika bergerak, tidak ada kemudahan-kemudahan yang wajib.

**Menteri Tak Berpotfolio (Dato' Haji Muhamad bin Nasir):** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia

maklum bahawa rancangan Rukun Tetangga baru sahaja berusia 3 tahun. Oleh itu tidak hairanlah jika sekiranya rancangan ini menghadapi beberapa kesulitan dan mempunyai beberapa kelemahan di dalam beberapa aspek perlaksanaannya terutama apabila ianya memerlukan penyertaan dari rakyat sendiri.

Di samping itu prestasi di sesuatu sektor juga adalah tertakluk kepada daya kepimpinan ahli-ahli Jawatankuasa dan pegawai-pegawai di satu-satu sektor itu.

Beberapa langkah telah dan sedang diambil oleh Urusetia Rukun Tetangga di semua peringkat bagi memperkemas dan memperbaiki pelaksanaan Rukun Tetangga terutamanya di peringkat sektor.

Antara langkah-langkah yang sedang diambil itu ialah:

- (a) Menubuhkan Jawatankuasa Penyelaras di peringkat daerah.
- (b) Mengadakan badan petugas khas (enforcement unit) di daerah-daerah bagi mengatasi atau mengurangkan masalah ketidakhadiran dan pengengkar.
- (c) Mengadakan lebih banyak lagi kursus-kursus untuk ahli jawatankuasa, ketua pengawal, ketua perunda, ketua tetangga.
- (d) Membekalkan secara percuma kad ahli kepada semua pemastautin berkelayakan di tiap-tiap sektor. Sistem kad ahli ini akan membolehkan seseorang mengetahui jadual petugas, tarikh dan masa Rukun Tetangga selama 12 bulan.
- (e) meluluskan jawatan-jawatan yang lengkap di semua peringkat jentera pelaksanaan di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah.

Mengenai kemudahan-kemudahan wajib pihak Urusetia Rukun Tetangga di peringkat Pusat, Negeri dan Daerah sedang mengkaji untuk membekalkan kemudahan-kemudahan tersebut kepada sektor-sektor. Kajian ini akan dibuat dari masa ke semasa dan pihak Kerajaan akan menimbang dan jika perlu membekalkan kemudahan-kemudahan ini tanpa menjejaskan konsep berdikari yang hendak diwujudkan melalui Sekim Rukun Tetangga ini.

**Tuan Hussein bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri telah mengakui bahawa sekim ini baru dimulakan sejak tiga tahun yang lepas dan dengan hal yang demikian tentulah terdapat beberapa kerumitan. Di samping itu saya ingin tahu apakah kejayaan-kejayaan yang dapat diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan secara keseluruhannya dalam sekim ini setakat hari ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini agak umum sedikit. Soal asalnya ialah langkah-langkah untuk memperbaiki sektor keseluruhannya. Tetapi kejayaan-kejayaan ini sudah lain pula, kalau Yang Berhormat Menteri hendak menjawabnya!

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, selain daripada apa yang saya telah terangkan tadi, kejayaan-kejayaan yang telah tercapai hingga hari ini ialah kita dapat mewujudkan 625 sektor dan dalam sektor 625 ini 800,000 telah didaftarkan sebagai ahli Rukun Tetangga yang memberi khidmat kepada Rukun Tetangga dan dianggarkan 2½ juta secara langsung dan tidak langsung rakyat mendapat faedah daripada Rukun Tetangga ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini maksud kejayaan, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah. Setapak!

**Tuan Haji Idris bin Haji Ibrahim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan oleh sebab beliau telah menerangkan tadi iaitu kejayaan telah ada dan banyak sambutan lebih kurang 2 juta umat telah sanggup hendak menyertai Sekim Rukun Tetangga, samada Menteri yang berkenaan sedar masalah pentadbiran Urusetia Rukun Tetangga di Jabatan Perdana Menteri iaitu amat berkurangan, kurang kakitangan, kurang pegawai-pegawai sehinggakan segala kemusykilan yang diutarakan kepada Jabatan ini lambat dapat tindakan dan balasan balik daripada pihak yang berkenaan. Dalam perkara ini kalau sedar apakah rancangan dan tindakan segera yang akan diambil oleh Menteri yang berkenaan bagi mengatasi masalah ini.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, pihak saya sedar masalah kelemahan-kelemahan ini. Sehingga hari ini kita ada 243 pegawai-pegawai daripada bermacam-macam kategori dan kita hendak memenuhkan lagi jawatan-jawatan yang kosong untuk membetulkan pentadbiran Rukun Tetangga ini iaitu:

Timbalan Pengarah ...	3 orang
Penolong Pengarah Rukun Tetangga ... ..	14 orang
Penolong Pengarah PTA Kelas II ... ..	6 orang
Penyelia ... ..	14 orang
Pelayan Pejabat ... ..	8 orang
Pegawai Luar ... ..	73 orang
<hr/>	
Jumlah	118 orang

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan samada beliau bermaksud untuk menjadikan Sekim Rukun Tetangga ini lebih interesting iaitu dengan menerima sukarelawan daripada kaum wanita menyertai Sekim ini kerana tidak lama dahulu ada ura-ura, ada permintaan dalam suratkhbar yang mengatakan kaum wanita juga ingin berserta dalam rancangan ini.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, masalah ini akan dikaji dengan sedalam-dalamnya kerana kaum wanita dilibatkan dalam Rukun Tetangga akan mewujudkan masalah-masalah. Walau bagaimanapun Rukun Tetangga mengkaji dan memberi kursus apakah jenis orang-orang yang boleh menjalankan tugas.

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan berkaitan dengan Rukun Tetangga yang telah diperbaiki dan menambahkan pegawai-pegawai seramai 118 orang, tetapi di daerah-daerah masih lagi Rukun Tetangga ini di bawah jagaan dan pengawasan Pegawai Daerah dan Penolong Pegawai Daerah, bahkan beberapa tahun telah dilaksanakan Rukun Tetangga di daerah itu sekalipun tidak pernah Pegawai-pegawai Daerah, Penolong Pegawai-pegawai Daerah itu melawat Rukun

Tetangga bahkan pihak Polis pula mengawasi samada mereka bertugas atau tidak. Jadi kalau kita hendak lepaskan pegawai-pegawai Division I (Ikhtisas) kita untuk melihat dan menyaksi serta memerhati akan Rukun Tetangga ini sudah barang tentu akan merosakkan jawatan mereka kerana pada pagi esoknya mereka tidak akan dapat bekerja dengan baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahannya apa Yang Berhormat?

**Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim:** Soalannya adakah pihak Jabatan Perdana Menteri hendak menambah lagi pegawai-pegawai di tiap-tiap daerah supaya kebaikan dapat diperolehi.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya telah maklumkan, banyak pegawai-pegawai akan ditambah untuk menyelesaikan masalah-masalah.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan, Tuan Speaker. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa adanya di beberapa Sektor Rukun Tetangga di beberapa tempat di negara ini di mana Ahli-ahli Jawatankuasa telah menyalahgunakan kuasa mereka sehinggakan mereka memaksa penghuni yang tinggal di dalam kawasan Sektor itu menderma kepada Sektor Rukun Tetangga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini dekat mana?

**Tuan P. Patto:** Di kawasan saya sendiri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebutlah kawasan mana? Menglembu!

**Tuan P. Patto:** Menglembu.

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat melapurkan hal ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi tidak sedarlah?

**Dato' Haji Mohamed bin Nasir:** Tidak sedar.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, soalan tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah cukup.

## AKTA KAWALAN SEWA 1948— KAJIAN

**3. Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilakah hasil penyiasatan dan tinjauan terhadap Akta Kawalan Sewa 1948 ini akan diumumkan, dan apakah pendirian Kerajaan atas tinjauan ini, adakah Kerajaan akan bertindak untuk mengubah dan meminda Akta ini supaya penyewa-penyewa yang tinggal di rumah-rumah yang dibina pada tarikh selepas Januari, 1948 ini dapat diperlindungi di bawah Akta ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu bahawa Laporan Jawatankuasa bagi mengkaji Akta Kawalan Sewa 1966 itu telahpun siap dan sekarang ini adalah di dalam kajian Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Saya fikir jawapan yang diberikan tidak berapa tepat dan memuaskan. Soalan saya pun ada . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tak puas, soal tambahan lagi.

**Tuan Chan Teck Chan:** Ya, sebab itu saya bertanya adakah Kerajaan akan bertindak untuk mengubah dan meminda Akta ini supaya penyewa-penyewa yang tinggal di rumah-rumah yang dibina pada tarikh selepas Januari, 1948 ini dapat diperlindungi di bawah Akta ini. Ini jawapan yang telah diberikan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, itu sudah dijawab. Laporan ini ada dalam kajian Yang Berhormat Menteri, lepas itu ada pengumumannya.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan Tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini samada beliau sedar bahawa Jawatankuasa Mengkaji Kawalan Sewa yang dipimpin oleh Yang Berhormat Dr Ling Liong Sik pun telah mengesyorkan kepada Kerajaan bahawa Akta Kawalan Sewa akan dikekalkan sehingga masalah kekurangan perumahan kos rendah dapat diatasi dan jika

beliau sedar saya ingin mendapat tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan ke arah ini.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu mengenai dengan Jawatankuasa Akta Sewa dan soalan Ahli Yang Berhormat ini akan dijawab pada 2-11-78. Dan keduanya soalan itu tidak ada berkaitan mengenai dengan soal perumahan dalam soalan yang asal.

**Tuan Lee Lam Thye:** Saya ingin bertanya samada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ramai penyewa-penyewa rumah yang ada di dalam golongan berpendapatan rendah yang tinggal di dalam bangunan-bangunan yang tidak dikawal (premises that are not controlled) dan mereka selalu ditindas oleh tuanpunya-tuanpunya rumah dengan kenaikan sewa yang tinggi. Jika beliau sedar saya ingin mendapat tahu apakah langkah yang Kerajaan hendak ambil untuk membantu orang-orang yang berkenaan untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh mereka.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Jawatankuasa itu telah menjalankan tugas-tugas mereka ini dengan ada panduan-panduan tugas-tugas itu. Yang pertama, menyiasat kesan Akta Kawalan Sewa 1966 memandang keadaan inflasi dengan mengambil kira kekurangan rumah yang didiami di beberapa tempat di negara ini dan keperluan mempercepatkan pembangunan perumahan dan perbandaran selaras dengan dasar Kerajaan menggalakkan penilaian harta sendiri dan menyusun semula masyarakat. Dan tugas kedua, membuat cadangan samada kawalan sewa diteruskan dalam bentuk sekarang atau diubah atau samada dibatalkan sepenuhnya dan Jawatankuasa tersebut hendaklah mengemukakan perakuannya kepada Yang Berhormat Menteri sebagaimana yang saya telah nyatakan tadi. Di sini ada kompleknya iaitu soal pandangan orang ramai adalah hendakkan tuanpunya-tuanpunya rumah (landlord) menggesa kepada Kerajaan dengan kuatnya supaya Akta Kawalan Sewa itu dihapuskan sama sekali tetapi penghuni-penghuni pula hendakkan Akta itu diteruskan. Oleh itu sekarang ini Menteri sedang mengkaji dengan teliti dan sedalam-dalamnya, bukan sahaja setakat Menteri mengkaji dengan

teliti, dengan sedalam-dalamnya bahkan selepas dipersetujui oleh Yang Berhormat Menteri, perkara ini akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri. Apakala selepas dikemukakan kepada Yang Berhormat Menteri baru dapat diberitahu kepada orang ramai.

**Tuan Lee Lam Thye:** Soalan tambahan. Apabila Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah siap untuk mengkaji laporan itu saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan samada Kerajaan bercadang untuk mengumumkan laporan itu kepada orang ramai supaya orang ramai dapat membincang dan juga membahasnya.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Perkara ini belum ada keputusan dari Kerajaan lagi. Selepas keputusan Kerajaan nanti bolehlah diberitahu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah benar bahawa laporan ini disiapkan dan diserahkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan awal tahun ini dan kenapa Kementerian Perumahan mengambil masa begitu panjang untuk membuat satu keputusan dan kenapa masa peringkat ini sungguhpun Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan atau Jemaah Menteri belum mengambil satu keputusan kenapa laporan ini tidak boleh diumumkan kepada orang ramai supaya orang ramai boleh bincang dengan dalam implikasi-implikasi, perakuan-perakuan oleh Jawatankuasa ini oleh kerana perkara ini melibatkan akibat-akibat sosio-ekonomi supaya terdapat satu peluang untuk orang ramai mengambil bahagian dalam pertimbangan dan perbincangan mengenai implikasi-implikasi satu-satu recommendation masa ini.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Kerajaan Barisan Nasional atau Kementerian saya ada bertanggungjawab. Bila kita buat sesuatu itu kita katakan mesti kita buat, bila kita kata tidak boleh, kita kata tidak boleh, oleh itu berkehendakkan kepada penelitian yang lebih teliti. Bila kita teliti tentu akan memakan masa panjang, oleh itu Ahli Yang Berhormat berkehendakkan perkara itu supaya dipercepatkan dengan segera. Masa yang ditubuhkan itu lebih kurang tidak berapa lama—pada pandangan saya tidak

lama tetapi perkara itu tidak berapa lama lagi akan diserahkan kepada Jemaah Menteri. Itu terpujanglah kepada Jemaah Menteri samada terima atau tidak.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang mana beliau telah menerangkan dengan panjang lebar iaitu Akta Kawalan Sewa ini sedang dikaji dan sekarang ini dalam kajian Yang Berhormat Menteri Perumahan sendiri. Bolehkah Kementerian memberi jaminan apabila Akta Kawalan Sewa ini lengkap dan apabila dilaksanakan kelak penyewa-penyewa mendapat jaminan dan segala keluh-kesah dan kemusykilan yang dikemukakan oleh parti-parti Pembangkang itu dapat diselesaikan kelak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini bukan Aktanya, Laporan Penyiasatan terhadap Akta itu. Inilah yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Itulah tujuan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Ya.

## PEMULIHAN UNDANG-UNDANG PERKAHWINAN BUKAN ISLAM

4. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Undang-undang menyatakan sebab-sebab mengapa "Pemulihan Undang-undang Perkahwinan Bukan Islam" belum lagi dilaksanakan sedangkan undang-undang tersebut telahpun diluluskan oleh Parlimen dan di-gezetkan dalam warta Kerajaan hampir tiga tahun lalu.

**Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah)** Tuan Yang di-Pertua, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian), 1976 telah diwartakan dalam Warta Kerajaan pada 11hb Mac, 1976 tetapi belum lagi dapat dikuatkuasakan pada ketika ini. Selepas diwartakan pada tarikh yang saya sebutkan tadi, pegawai-pegawai yang berada di Pejabat Pendaftaran yang bertanggungjawab melaksanakan Undang-undang ini

telah mencadangkan beberapa pindaan terhadap Akta tersebut bagi melicinkan lagi pelaksanaannya, khususnya terhadap pelaksanaan Undang-undang ini di Negeri Sabah dan Sarawak. Selain daripada itu sebelum Akta ini dapat dilaksanakan, beberapa peraturan dan kaedah-kaedah (rules and regulations) perlu diluluskan dan perkara menggubal dan menyediakan peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah ini perlu kajian mendalam dibuat supaya apabila diluluskan peraturan ataupun kaedah-kaedah ini segala peruntukan dalamnya akan dapat dilaksanakan dengan licinnya.

Walau bagaimanapun, Kementerian saya telah menubuhkan suatu Jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Undang-undang, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran untuk mengatasi apa jua masalah-masalah ataupun kesulitan yang mungkin timbul apabila melaksanakan Akta ini. Setakat ini saya berasa sukacita memaklumkan bahawa Jawatankuasa ini telah mengambil tindakan yang tegas dan kemajuan konkrit telah dicapai menuju kepada pelaksanaan Akta ini saya harap dalam tempoh selewat-lewatnya enam bulan yang akan datang ini.

**Puan Chow Poh Kheng:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah satu tarikh yang tetap untuk melaksanakan Bil ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi Yang Berhormat Menteri sudah jawab enam bulan lagi, sabarlah.

**Puan Chow Poh Kheng:** Tarikh yang tetap?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, kena sabarlah.

**Tuan Karpal Singh:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Kerajaan bercadang hendak menggunakan undang-undang seperti ini ke atas orang-orang Islam?

**Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, undang-undang ini adalah bagi orang-orang yang bukan Islam sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dari Jelutong bertanya orang Islam bagaimana? Sudah ada undang-undangnyakah?

**Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah:** Itu ada undang-undang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah ada, itu sahaja.

**Tuan Karpal Singh:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya adakah Kerajaan bercadang mengadakan undang-undang seperti ini untuk orang-orang Islam?

**Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, tidak.

### GURU BESAR—TATATERTIB PERSEKOLAHAN

**5. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Pelajaran menyatakan samada Guru Besar diberi kuasa untuk mengambil tindakan tata-tertib terhadap pelajar-pelajar sekolah yang melanggar tata-tertib persekolahan, dan apakah langkah-langkah Kementerian ini di atas perkara tersebut.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang di-Pertua, Guru Besar-guru besar telah diberi kuasa untuk mengambil tindakan tata-tertib terhadap pelajar-pelajar yang melanggar tata-tertib sekolah seperti tersebut di dalam Education (School Discipline) Regulation 1959, para 5. Ini termasuk kuasa untuk merotankan murid-murid lelaki, bukan perempuan (*Ketawa*) dan jika keadaan (memandang kepada murid-murid sekolah di tempat pemerhati) . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat, hadapkan kepada Yang di-Pertua, iaitu kepada saya (*Ketawa*).

**Dato' Chan Siang Sun:** Ini termasuk kuasa untuk merotankan murid-murid lelaki dan jika keadaan sangat buruk menggantungkan persekolahan di dalam masa yang tertentu.

Selain daripada apa yang tertera di dalam Regulation 1959, Kementerian Pelajaran sudahpun menyampaikan kepada sekolah-sekolah beberapa surat pekeliling berkenaan disiplin kepadanya.

Semenjak Yang Berhormat Menteri Pelajaran memasuki Kementerian Pelajaran daripada masalah-masalah seperti rancangan bantuan pinjaman buku-buku teks dan juga pengajaran Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris, dan di antaranya ialah disiplin yang beliau telah ambil perhatian yang berat kepadanya. Jadi, di atas perbincangan-perbincangan yang telah diadakan dengan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pelajaran dan juga beberapa garis panduan berasingan kepada perbincangan-perbincangan yang telah diadakan di peringkat Jawatankuasa Kabinet maka kepastian awal yang telah dibuat dan langkah-langkah seperti berikut:

- (i) Hukuman secara merotan dikekalkan tetapi di samping Guru Besar sahaja yang diberi kuasa, guru-guru lain yang tertentu juga akan diberi kuasa merotan berpandu kepada syarat-syarat yang tertentu. Ini memandangkan kegunaan rotan akan diperluaskan lagi.
- (ii) Mutu pendidikan agama Islam dan pendidikan moral serta etika dipertingkatkan dengan cara memberi latihan iktisad yang cukup kepada guru-guru yang terlibat dalam pengajaran mata pelajaran tersebut. Bahagian Pelajaran, Kementerian Pelajaran akan dikemaskinikan dan tiap-tiap negeri akan dilantik seorang pegawai dakwah, khas untuk mengelolakan dan mengawasi aktiviti-aktiviti berasaskan agama.
- (iii) Segala peraturan yang dikenakan di sekolah-sekolah akan dijelaskan sepenuhnya kepada murid-murid supaya mereka dapat mematuhi dengan penuh kesedaran dan keinsafan tanggungjawab-tanggungjawab itu.
- (iv) Semua guru-guru hendaklah dilibatkan dalam tanggungjawab menyamai dan menyelia disiplin lebih-lebih lagi guru-guru hendaklah ditegaskan perlunya mereka sendiri dicontohi oleh murid-murid di dalam hubungan sehari-hari di antara murid-murid dan guru-guru.
- (v) Aktiviti-aktiviti ibubapa dan guru-guru akan diperkemaskinikan agar tujuan-tujuan pertubuhan ini dapat dicapai dengan lebih memuaskan. Ini termasuklah peranan P.I.B.G. atau Persatuan Ibubapa dan Guru-guru sendiri melalui ibubapa murid-murid di dalam bidang mewujudkan disiplin di sekolah-sekolah.

**Datuk Haji Abu Bakar Umar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut kata Yang Berhormat Menteri Pelajaran rotan akan dikenakan kepada murid-murid lelaki sebagai punishment. Apa yang hendak dikenakan kalau murid-murid perempuan yang melanggar disiplin?

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya quote Education (School Discipline) Regulation 1959, para 5, yang berbunyi:

(Dengan izin)

"5 (1). For the purposes of maintaining discipline among pupils the head teacher shall have power to inflict such ordinary school punishment as may be necessary or expedient provided that:

(a) corporal punishment of girl pupils is prohibited; and

(b) corporal punishment of boys by a teacher or other member of the staff shall be limited to blows with a light cane on the palm of the hand—maafkan saya sebab perkataan ini tidak beberapa sedap—on the buttock (*Ketawa*) over the clothes—pakaian—(*Ketawa*) and shall be inflicted only by the head teacher or by his express authority given in the specific case.

(2) A record of all punishments inflicted under paragraph (1) above shall be kept confidentially in a form approved by the Registrar."

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar bertanya kalau murid perempuan melanggar disiplin, apa hukumannya. Tadi Yang Berhormat baca cara-cara merotan murid-murid lelaki.

**Dato' Chan Siang Sun:** Maaf, Tuan Yang di-Pertua. Jikalau pelajar perempuan yang melanggar tata tertib boleh dirotankan (*Ketawa*), tetapi di tangan sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Oh! yang di tangan tadi untuk murid perempuan.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sejak kuasa merotan murid-murid ini diberi kepada Guru Besar, adakah sebarang aduan daripada ibubapa sejak kuasa ini diberi kepada Guru Besar yang merotan murid-murid.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, ada sebahagian besar ibubapa pelajar yang mengatakan bagus, tetapi ada sebahagian kecil juga yang boleh mengatakan barangkali tidak berapa sedap (*Ketawa*). Ini satu cara yang boleh dikatakan debatable tetapi kalau mengikut jenerasi lama seperti saya atau rakan-rakan saya (*Ketawa*) boleh dikatakan merotan boleh digunakan jikalau kita mahukan jenerasi pada hari ini serupa dengan jenerasi kita atau jenerasi lama dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita ini tidak termasuk saya (*Ketawa*).

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Saya ingin menyoal Timbalan Menteri Pelajaran, adakah Yang Berhormat sedar bahawa akibat daripada penghapusan peperiksaan Common Entrance khususnya di Sarawak dan akibat daripada kemasukan 100% murid dari Darjah VI ke Tingkatan I dan Tingkatan Peralihan banyak masalah yang dihadapi oleh Guru Besar dan guru-guru di sekolah menengah. Soalan saya oleh kerana merotan adalah hanya tanggungjawab Guru Besar dan guru yang diberi kuasa oleh Guru Besar, maka adakah pihak Kementerian Pelajaran memikirkan langkah-langkah lain bagaimana memberi kuasa kepada guru-guru lain untuk merotankan ataupun mengambil tindakan sewajarnya supaya disiplin di sekolah dapat diperbaiki?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebenarnya jawapan sudah terkandung dalam jawapan tadi, tetapi terserah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tidak ada tambahan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada tambahan lagi, ya.

**Tuan Lee Kaw:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita tahu guru besar dan guru-guru ada kuasa merotan murid tetapi apa jadi kepada guru besar dan guru merotan murid dengan salahguna kuasa itu? Kita dapat tahu dalam Dewan ini dia tidak tetapkan berapa kali boleh dirotan. Tuan Yang di-Pertua, ada satu kes di Segamat umpamanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak payah sebut, soalan tambahan sahaja.

**Tuan Lee Kaw:** Ada seorang murid sudah kena rotan lebih 10 kali dan ini sudah ada satu lapuran dari hospital dan doktor berkata, "moderate to extreme force". Itulah kita mahu tahu jawapannya.

**Dato' Chan Siang Sun:** Jawapan pertama Tuan Yang di-Pertua, jika ada seseorang salahgunakuasa, saya fikir dia tak layak menjadi Guru Besar. Kedua, jika ada kes spesifik macam itu saya berharap Ahli Yang Berhormat dapat lapurkan perkara itu dan berhubung dengan Jabatan Pelajaran Negeri atau datang sendiri berjumpa dengan Guru Besar itu bertanya mengapakah kes itu terjadi dan jika kita boleh dapat mengadakan hubungan seperti ini barangkali perkara seperti ini tak timbul lagi.

**Tuan Mohd. Nakhai bin Haji Ahmad:** Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri berkenaan iaitu adakah pelajar-pelajar yang memakai tudung dianggap sebagai tidak berdisiplin dan adakah pernah berlaku pihak Kementerian Pelajaran pernah menerima pengaduan bahawa pelajar-pelajar perempuan yang memakai tudung ini pernah diusir dari sekolah oleh guru besar.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini agak lain sedikit jadi panjanglah jawapannya kalau ditanya apakah yang dinisbahkan melanggar aturan dan melanggar disiplin. Jadi panjanglah dan itu soalan lain sedikit.

**Tuan Chan Teck Chan:** Memandangkan banyak kes salahguna kuasa telah dilakukan oleh guru-guru umpamanya kes yang berlaku di Kuala Kubu Bharu di mana seorang guru telah menggunakan botol untuk memukul kepala murid sehingga dia pengsan dan masuk hospital. Kes-kes salahguna kuasa itu kalau berlaku apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kementerian Pelajaran untuk mendisiplin guru-guru yang berkenaan umpamanya kes di Segamat Chinese High School dan Kuala Kubu Bharu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan asal mengenai tatatertib mengawal murid, ini sudah mengawal guru pula. Soal macam ini sekali ini saya benarkan kalau hendak dijawab, kalau tak jawab pun tak mengapa.

**Dato' Chan Siang Sun:** Kalau ada perkara itu saya boleh siasat.

**Tuan P. Patto:** Tuan Speaker, nampaknya daripada jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri itu, beliau sendiri telah mengakui point tentang corporal punishment adalah debatable dan oleh kerana ia telahpun menimbulkan kontroversi samada murid-murid boleh dirotan, setakat mana boleh dirotan berapa kali boleh dirotan dan sebagainya, dan ada juga puak-puak yang mengatakan tak boleh dirotan. Jadi oleh kerana timbul masalah adakah pihak Kementerian Pelajaran bercadang untuk menubuhkan satu Jawatankuasa yang mengandungi pakar-pakar saikoloji supaya meneliti sedalam-dalamnya masalah ini dan mengambil satu keputusan dan membuat syor kepada pihak Kementerian?

**Dato' Chau Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa tak payahlah, oleh kerana Kementerian kita sendiri pun ada banyak psychologist.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menggariskan beberapa peruntukan kuasa-kuasa yang diberikan kepada guru-guru mengenai murid-murid yang melanggar tata tertib persekolahan. Saya hendak bertanya kepada beliau apakah takrif masalah murid yang telah menghisap dadah di sekolah samada ini melanggar tata tertib persekolahan dan kalau ini dianggap sebagai melanggar tata tertib persekolahan, apakah peruntukan yang Kementerian telah sediakan kerana tidak ada disebut dalam jawapan tadi mengenai perkara menyalahguna dadah atau penagih dadah di kalangan murid dalam perkara ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan ini makin luas, mengenai dadah sudah ada aktanya sendiri.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak menjawab.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana salahguna dadah adalah kegiatan haram yang melanggar undang-undang negara, jadi jika ada pelajar yang menghisap itu tentulah ini tidak dibenarkan dalam sekolah dan ini boleh dijadikan melanggar tata tertib tetapi oleh kerana barangkali mereka masih di bawah umur, barangkali satu cara "counselling" dapat diadakan

dan oleh sebab itulah Kementerian Pelajaran dengan kerjasama Kementerian Kesihatan kita pun telah mengadakan joint committee, mengadakan berbagai rancangan untuk memberikan kesedaran dengan mengadakan pamiran-pamiran dan sebagainya dan juga guru-guru dapat diberikan latihan atau kursus-kursus dan mereka selalulah diberikan kesedaran dan ingatan dan sebagainya kepada murid-murid supaya mereka mesti dapat dikeluarkan daripada ancaman kesalahan itu dan jangan terlibat di dalam arina menghisap dadah itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah. Ini pertanyaan akhir.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** (Bangun)

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehlah. Ini yang akhir.

**Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah:** Oleh sebab dalam peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran tidak diperhaluskan tentang merotan itu di hadapan semua murid-murid ataupun seorang sama seorang dengan guru besar sahaja maka apakah ada tambahan arahan daripada Kementerian supaya merotan di hadapan murid yang ramai ataupun di hadapan guru besar sahaja.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahu kita tidak menggalakkan guru besar merotan murid-murid di hadapan murid-murid yang ramai. Kalau seorang murid itu melanggar tata tertib berkehendakkan dirotan, guru besar mestilah memanggil murid itu datang ke pejabat untuk diberikan punishment tetapi mestilah ada seorang guru kanan di hadapannya untuk menjadi saksi.

#### KERETAPI TANAH MELAYU— PESARA KERJA SEMULA

6. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Pengangkutan menyatakan samada benar bahawa masih terdapat amalan mengambil kerja semula pegawai dan kakitangan Keretapi Tanah Melayu yang telah bersara, jika ya, mengapa; dan nyatakan bagaimanakah peluang kenaikan pangkat bagi mereka yang baru masuk dapat diwujudkan.

**Timbalan Menteri Perhubungan (Tuan Mohd. Ali bin Shariff):** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa perlunya dipulih dan dipertingkatkan mutu perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu supaya dapat benar-benar menjadi salah satu alat pengangkutan yang sesuai dengan perkembangan kemajuan negara dan mendekati objektifnya sebagai suatu organisasi yang boleh memberikan perkhidmatan pengangkutan yang selamat, selesa, ekonomik dan memuaskan, bukan sahaja alat-alat, kelengkapan-kelengkapan teknik dan pengurusannya perlu diperbaiki dan diperbaharui dari satu masa ke satu masa tetapi juga tenaga-tenaga mahir, berpengalaman dan bermutu, yang diyakini, perlu sentiasa diberi perhatian.

Oleh itu adalah benar bahawa K.T.M. ada mengambil pegawai dan kakitangan keretapi yang telah bersara bekerja semula. Mereka itu diambil bekerja semula untuk satu jangkamasa yang singkat dengan perjanjian bekerja dari bulan ke bulan. Di antara sebab-sebabnya ialah:

- (a) untuk memberi kesempatan kepada pegawai-pegawai yang akan mengambil alih sesuatu jawatan itu, mendapat pengalaman atau kemahiran yang memuaskan, sebelum mereka mengambil tempat mereka yang bersara.
- (b) bagi sementara menanti pelatih-pelatih Tukang yang sedang mengikuti kursus, tamat daripada latihan mereka.
- (c) susah untuk mendapatkan tenaga terlatih apabila seseorang kakitangan itu bersara dari jawatan yang tertentu. Oleh itu mereka itu terpaksa diambil semula sementara mendapat gantinya.
- (d) mereka yang bersara itu diambil bekerja semula bagi jangkamasa yang singkat, akibat mereka itu terlibat dari awal dalam sesuatu projek yang tertentu.

Mengenai kakitangan yang baru masuk adalah diberi pertimbangan yang adil untuk kenaikan pangkat apabila ada kekosongan dalam jawatan yang lebih tinggi dengan syarat mereka telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh sekim-sekim perkhidmatan yang berkenaan.

## MAKTAB SAINS DI SABAH

**7. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh** minta Menteri Pelajaran jelaskan perkara berikut:

- (a) adakah beliau sedar Maktab Sains atau Sekolah Menengah Khas Sains tidak ada di Sabah;
- (b) jika sedar, bilakah projek ini akan dilaksanakan; dan
- (c) jika tidak dilaksanakan adakah Sabah tidak sesuai dan mengapa.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Speaker,

- (a) Kementerian Pelajaran adalah sedar bahawa pada masa ini belum ada lagi sebuah Maktab Sains atau Sekolah Menengah Sains di Sabah.
- (b) Pada masa ini sebuah Sekolah Menengah Sains telahpun diluluskan iaitu Sekolah Menengah Sains Bukit Padang. Tender telahpun dipelawa dan kerja dijangka akan dimulakan sedikit masa lagi.
- (c) Tiga buah Sekolah Menengah Sains lagi telah dimasukkan di dalam kajian semula Rancangan Malaysia Ketiga iaitu di Labuan, Sandakan dan juga di Tawau.

## USUL-USUL

### JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

**Dato' Haji Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menggalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju arah ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini; dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu.

#### JAWATANKUASA PEMILIH— LANTIKAN AHLI-AHLI

**Perdana Menteri:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya mencadangkan:

Bahawa Ahli-ahli yang berikut:

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad

Yang Berhormat Dato' Lee San Choon

Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam

Yang Berhormat Tan Sri Ong Kee Hui

Yang Berhormat Tuan Leo Moggie anak Irok

Yang Berhormat Ketua Pembangkang hendaklah menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Parlimen Yang Kelima.

**Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Diputuskan,

Bahawa Ahli-ahli yang berikut:

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad

Yang Berhormat Dato' Lee San Choon

Yang Berhormat Tan Sri V. Manickavasagam

Yang Berhormat Tan Sri Ong Kee Hui

Yang Berhormat Tuan Leo Moggie anak Irok

Yang Berhormat Ketua Pembangkang hendaklah menjadi Ahli-ahli Jawatankuasa Pemilih bagi tempoh Parlimen Yang Kelima.

#### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Yang Berhormat Tuan Shamsuri bin Md. Salleh mengemukakan usul.

3.38 ptg.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan usul yang berbunyi:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak se-pertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima”.

Tuan Yang di-Pertua, bismillahir-rahmanir-rahim, Alhamdulillah berbilang syukur kita ke hadrat Allah subhanu-wata'ala yang melimpahkan rahmat dan kurnia kepada sekalian hambaNya terutama kepada kita rakyat Malaysia sehingga membolehkan kita berhimpun di Dewan yang mulia ini sekali lagi dalam suasana aman dan tenteram untuk bersidang bagi Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima. Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya ucapkan terima kasih kerana memberi peluang dan kepercayaan kepada saya mengemukakan usul ini.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia telah memulakan titah dengan menyatakan perasaan sukacita Baginda kerana pilihanraya umum negara kita tiga bulan yang lalu telah berjalan dengan lancar dan teratur. Bagi negara kita yang telah mengalami enam kali pilihanraya umum, sejauh ini tidak ada insiden-insiden besar yang boleh mencatitkan perjalanan pilihanraya umum itu. Ini membuktikan bahawa pada keseluruhannya rakyat Malaysia menyokong penuh serta yakin terhadap sistem pemerintahan demokrasi yang kita amali sekarang.

Kelancaran dan kelicinan perjalanan pilihanraya umum yang kita alami semenjak tahun 1955 itu bagi setengah-setengah negara di dunia ini hanya satu impian belaka. Sejarah telah menunjukkan adanya negara-negara yang tidak dapat lagi menikmati suasana aman dan ketenteraman selepas sahaja pilihanraya umum diadakan. Bukan setakat itu sahaja malah negara jadi huru-hara pentadbiran Kerajaan kucar-kacir, rakyat menanggung berbagai penderitaan. Adalah salah sama sekali anggapan setengah-setengah pihak yang mendakwa bahawa kelicinan dan kelancaran perjalanan pilihanraya umum itu hanya satu kebetulan belaka. Tidak siapa yang boleh menafikan hakikat sebenarnya bahawa kejayaan pilihanraya umum kita itu adalah hasil usaha yang gigih oleh Kerajaan kita sendiri terutama sekali pasukan keselamatan yang terdiri dari tentera dan polis yang telah mengatur langkah-langkah keselamatan yang rapi bagi mengawasi dan mengikuti setiap gerak dan detik perjalanan pilihanraya umum itu. Natiyahnya inilah keamanan yang kita nikmati sekarang. Sesungguhnya negara kita patut merasa megah mempunyai satu pasukan keselamatan yang cekap, berdisiplin serta dedikasi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Titah Baginda mengenai ujudnya satu jenerasi baru di kalangan rakyat Malaysia yang dikenali dengan nama jenerasi rakyat Malaysia Merdeka yang lahir pada hari Kemerdekaan dan seruan Baginda kepada mereka tentang perlunya mereka menghargai dan memelihara dengan sebaik-baiknya kemerdekaan yang telah kita capai ini. Pada hemat saya seruan itu adalah bertepatan dengan waktu dan ketikanya jenerasi rakyat Malaysia Merdeka itu lahir pada hari kita merayakan kemenangan pada hari terlucutnya segala belunggu dan rantai penjajahan yang selama ini mengikat kebebasan dan perjuangan kita. Tentulah mereka ini tidak pernah merasai betapa pahit

maungnya perjuangan datuk nenek mereka menuntut kemerdekaan negara ini. Mereka juga tidak pernah melihat keadaan negara kita ini sebelum merdeka. Mereka juga tidak tahu menahu tentang adanya satu persediaan antara tiga kaum terbesar di negara ini mengenai beberapa perkara tertentu yang menjadi intisari perlembagaan negara kita di mana tiga kaum terbesar itu telah berikrar dan berjanji bersumpah setia tidak akan mengungkit-ungkit lagi perkara-perkara yang telah dipersetujui bersama itu.

Tuan Yang di-Pertua, dua puluh satu tahun telah berlalu, mereka kini telah dewasa bahkan telah mengambil tempat sebagai warganegara sepenuhnya. Mereka dibesarkan dalam sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi di mana setiap rakyat berhak menyuarakan fikiran dan pendapat masing-masing dengan bebas. Maka pastilah fikiran dan pandangan mereka terdedah kepada berbagai-bagai pengaruh samada buruk atau baik. Kejahilan mereka tentang perlembagaan dan sejarah perjuangan kemerdekaan negara ini boleh dieksploitkan oleh pihak-pihak oportunis untuk kepentingan masing-masing. Kita tidak mahu fikiran dan pandangan belia kita ini diracuni dengan fahaman-fahaman perkauman yang sempit. Kita sekali-kali tidak rela issue-issue sensitif yang terkandung dalam perlembagaan negara itu dijadikan modal oleh setengah-setengah pihak untuk menarik sokongan belia terhadap mereka. Oleh yang demikian langkah-langkah patutlah diambil oleh Kerajaan melalui pertubuhan-pertubuhan belia bagi menerangkan perkara-perkara penting yang menjadi teras perlembagaan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam segi pembangunan tidak syak lagi negara kita telah mencapai banyak kemajuan samada dalam bidang pelajaran, ekonomi dan sosial. Kejayaan yang kita capai itu bergantung kepada beberapa faktor penting iaitu perancangan yang bijak, pentadbiran yang cekap dan pegawai-pegawai yang dedikasi. Menyebut tentang pegawai dan kakitangan Kerajaan di sana sini masih terdengar keluhan orang ramai tentang adanya pegawai dan kakitangan yang tidak cekap, malas, sombong, berlagak seperti tuan dan sebagainya. Sebenarnya pegawai dan kakitangan yang berkelakuan yang tidak senonoh itu tidak ramai bilangannya tetapi tepatlah seperti kata pepatah, "sebab nila setitik, rosak susu sebelanga". "Seekor kerbau membawa lumpur habis semuanya terpalit".

Berhubung dengan usaha Kerajaan hendak melipat-gandakan pembangunan, maka masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan itu perlu diberi perhatian kerana peranan dan sumbangan dari mereka ke arah kejayaan sesuatu projek sangatlah penting. Mengecam dan mengambil tindakan terburu-buru tidak dapat menyelesaikan dan mengatasi masalah.

Tuan Yang di-Pertua, ada kedapatan pegawai Kerajaan yang dahulunya seorang yang cekap, rajin dan dedikasi terhadap tugasnya tetapi sekarang bertukar menjadi sebaliknya. Kes-kes seperti ini mungkin berlaku disebabkan beberapa faktor seperti putus asa, tidak dapat penghargaan atau tertutup peluang untuk meningkat. Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, bagi mengekalkan mutu kecekapan sifat-sifat amanah serta dedikasi pegawai-pegawai itu satu kajian patut dibuat, kemungkinan dikeluarkan hadiah-hadiah penghargaan kepada tokoh-tokoh pegawai-pegawai Kerajaan yang telah menunjukkan kebolehan dan dedikasi yang luar biasa terhadap tugas masing-masing. Kita mempunyai pegawai-pegawai yang sangat popular di kalangan orang ramai. Kalau Tuan Yang di-Pertua izinkan, saya ingin menyebut nama satu-dua orang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bolehlah. Yang baik tidak mengapa.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Satu-dua orang yang sangat terkenal dan popular di kalangan orang ramai yang pertama Dato' Ishak bin Tadin dan yang kedua Encik Hassan Ibrahim. Tindakan tegas dan berani dari pegawai-pegawai itu dalam mengatasi beberapa masalah menjadi topik perbualan orang ramai di sana sini. Jika kita boleh memilih olahragawan dan olahragawati setiap tahun, mengapa penghargaan serupa itu tidak boleh kita panjangkan kepada pegawai Kerajaan yang telah menunjukkan kebolehan yang luar biasa terhadap tugas masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai dasar luar negeri, sejauh ini nampaknya konsep hendak mengujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara itu telah mula menarik minat dan keyakinan jiran kita di sebelah utara khususnya negara Vietnam. Dasar pengecualian dan polisi tidak condong ke mana-mana dalam hubungan kita dengan kuasa-kuasa besar adalah menjadi faktor terpenting menyakinkan negara-negara lain terhadap kita. Policy of equi-distance

dengan kuasa-kuasa besar itu patut kita kekalkan kerana ia bukan sahaja boleh menambah kawan tetapi boleh meninggikan maruah dan imej negara kita di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan kita atas kejayaan memeterikan Perjanjian Perkhidmatan Udara antara Malaysia dengan Vietnam. Adalah diharapkan dengan perlaksanaan Perjanjian itu nanti kita akan dapat membuka jalan ke arah perhubungan perdagangan yang boleh memberi banyak munafaat kepada kedua belah pihak. Di samping itu saya mengambil peluang dalam Dewan yang mulia ini mengucapkan selamat datang kepada Perdana Menteri Vietnam, Tuan Yang Terutama Phan Van Dong yang akan tiba tidak berapa lama lagi. Moga-moga kunjungan bersejarah beliau itu akan membawa munafaat kepada rakyat dan negara kita Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, nampaknya dalam seminggu dua ini negara kita tiba-tiba sahaja menjadi terkenal ke seluruh dunia. Bukan terkenal kerana ahli-ahli sains kita telah berjaya mencipta satu benda baru; bukan pula terkenal kerana para doktor kita berjaya melahirkan bayi melalui tabung uji; sebaliknya terkenal kerana mempunyai pakar-pakar pengedar dadah yang ulung. Sudah banyak kumpulan dan orang-orang perseorangan rakyat Malaysia yang ditangkap dan dihukum di luar negeri. Selain dari Hongkong, Malaysia jadi favourite pengedar-pengedar dadah untuk dijadikan pusat-pusat pembekal dadah ke seluruh dunia.

Baru berapa hari yang lalu sekumpulan 6 orang rakyat Malaysia ditangkap di England kerana didapati membawa dadah yang bernilai \$37 juta. Dan kalau kita baca surat-khabar keluaran hari ini dua orang lagi rakyat Malaysia telah ditangkap di Rome, Italy kerana didapati memiliki dadah seberat 22 paun. Dari dua tangkapan besar ini membuktikan bahawa masih banyak agen-agen penyeludupan dadah sedang enak-enak berihat di Malaysia. Masih banyak tempat-tempat memproses dadah yang belum dapat dikesani. Sejauh ini orang ramai nampaknya terlalu kurang memberi kerjasama kepada pihak-pihak yang berkenaan dalam membentaras perkara ini. Ini tentulah ada sebab-sebabnya, barangkali ganjaran yang ditawarkan itu tidak menarik, atau jiwa mereka diancam, mungkin juga sindikit-sindikit ini bergerak terlalu licin.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia sekarang menurut kenyataan yang dibuat oleh Ketua Polis Negara kita terdapat antara 70,000 hingga 100,000 orang penagih dadah. Yang berjaya ditangkap setakat ini iaitu semenjak tahun 1975 hinggalah Ogos tahun ini ialah 14,197 orang penagih dan 4,188 orang pengedar atau penjual. Semua orang sudah tahu dan sudah sedar tentang bahaya dadah. Maka itulah dalam Dewan yang mulia ini kita Ahli-ahli Dewan Rakyat seia dan sekata meluluskan akta mengenainya. Undang-undang yang tegas tidak ada, orang yang berkenaan pun sudah dapat ditangkap. Sekarang kita ingin tahu, orang ramai ingin tahu dan rakyat seluruhnya ingin tahu apakah hukuman yang telah dijatuhkan ke atas pengkhianat-pengkhianat negara ini, berapa orang dari mereka yang dipenjarakan seumur hidup dan berapa pula yang telah digantung?

Tuan Yang di-Pertua, dari dua kes tangkapan ke atas rakyat Malaysia itu iaitu di England dan di Rome, dapat dibuat beberapa kesimpulan bahawa kawalan dan pemeriksaan di pintu-pintu keluar Malaysia itu tidak rapi, kurang cekap ataupun mungkin ada persefahaman antara dua orang dalam dengan mereka yang berkenaan. Akibat dari tangkapan dadah yang melibatkan rakyat Malaysia itu tentulah membawa satu imej buruk negara kita ini di mata dunia. Bukan itu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia yang tidak bersalah dan tidak berdosa yang melawat keluar negeri sudah tentu dikenakan pemeriksaan yang ketat dan mengambil masa berjam-jam.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengelakkan Malaysia dijadikan pengkalan pengedar dadah, langkah-langkah perlu hendaklah diambil supaya setiap rakyat Malaysia yang hendak keluar negeri perlu memberi maklumat terperinci (detail) perihal peribadi, destinasi-destinasi yang dituju, keperluan mereka melawat. Semua beg-beg yang dibawa termasuk beg pakaian mestilah diperiksa dengan teliti dan dipastikan kandungannya. Pegawai-pegawai khas untuk menyiasat perkara ini perlu ditambah. Pasukan penggempur yang ditubuhkan khas itu bagi membenteras pengedaran dan penagihan dadah patut dibesarkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya intisari dari Titah Ucapan Ke bawah Duli kali ini ialah seruan Baginda kepada semua rakyat supaya menyokong sepenuhnya usaha-usaha Kerajaan membina satu bangsa Malaysia yang bersatupadu. Baginda selanjutnya

menggesa dan menasihatkan supaya perbezaan dari ciri-ciri keturunan, ugama, kebudayaan dan fahaman politik tidak diperbesar-besarkan sehingga membawa kepada perpecahan perpaduan.

Tuan Yang di-Pertua, seruan Baginda itu tentulah dibuat atas kesedaran dan berasaskan pula kepada incidents yang berlaku akhir-akhir ini. Sebagai contoh, perbuatan menimbulkan issue-issue sensitif mengenai masalah bahasa dan pelajaran dan peluang pelajaran kaum China, pelaksanaan Akta Penyelarasan Perindustrian dan akhirnya yang paling popular Universiti Merdeka. Selain daripada itu sikap beberapa orang ahli-ahli politik mempersendakan kedaulatan Raja-raja dan yang paling akhir perbuatan ahli-ahli politik parti Pembangkang yang cuba hendak campurtangan dalam perjalanan mahkamah. Semua kes-kes yang saya sebutkan di atas menjadi gejala-gejala yang boleh mengancam dan akhirnya kalau kita biarkan boleh menghancurkan negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berbincang dan memperkatakan issue-issue yang sensitif ini bila-bila masa sahaja boleh menarik minat orang ramai, lebih-lebih lagi para belia. Jika diteliti dan dihalusi issue-issue perkauman seperti inilah juga yang telah digunakan oleh parti-parti Pembangkang dalam pilihanraya umum tahun 1969. Apakah kita sanggup melihat negara yang sama-sama kita bina selama 21 tahun ini musnah dengan sekelip mata akibat dari tindak-tanduk beberapa kerat petualang-petualang politik?

Tuan Yang di-Pertua, masalah besar lagi maha penting di hadapan kita semua ialah bagaimana hendak membina satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu.

Dua puluh satu tahun sudah berlalu, hasil yang kita capai setakat ini, kita hanya dapat menyatukan rakyat berbilang kaum pada peringkat atas sahaja iaitu peringkat ketua-ketua kaum. Di peringkat bawah masih berfikir dengan fahaman kaum masing-masing, orang Melayu dengan Melayunya, orang China dengan Chinanya, orang Hindu dengan Indianya.

Sungguhpun hasil yang dicapai setakat ini baharu di peringkat atas sahaja tetapi pada hemat saya kita telah berjaya meletakkan satu batu asas yang kukuh ke arah pembinaan satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu. Batu asas kukuh yang saya maksudkan itu, ialah penubuhan parti Barisan Nasional di mana

10 buah parti yang mewakili semua kaum yang terbesar di dalam negara ini digabungkan. Kalau dahulu dengan gabungan 3 buah parti sahaja, kita telah berjaya mengusir penjajah keluar dari negara ini, mengapakah sekarang dengan gabungan yang berganda lebih besar kita tidak boleh membina satu bangsa Malaysia yang kukuh lagi kuat?

Tidak ada perkara yang mustahil dibuat jika kita mempunyai keazaman dan cita-cita yang kuat untuk melaksanakannya. Bagi pihak rakyat mereka telah memberi kita sokongan, kepercayaan dan kuasa untuk membentuk negara ini dalam pilihanraya umum yang lepas.

Menurut kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kita bukan sahaja menang dan boleh membentuk Kerajaan, tetapi kemenangan yang dicapai oleh Barisan Nasional kali ini melebihi kemenangan yang kita perolehi di dalam pilihanraya umum yang sudah-sudah.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, dalam proses membina satu bangsa Malaysia yang bersatu-padu, saya berharap taraf pemimpin kita tidak segan-segan dan tidak teragak-agak melaksanakan dengan tegasnya segala dasar yang telah dipersetujui itu bagi mencapai cita-cita suci lagi murni.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

4.03 ptg.

**Tuan Lim Kiam Hoon (Padang Serai):**

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul menjunjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong atas Titah Baginda di upacara pembukaan mesyuarat pertama Parlimen Kelima ini.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia telah dengan sewajarnya menekankan keperluan untuk memodenkan jentera Kerajaan. Ini adalah memandangkan kepada hasrat rakyat yang makin meningkat, dan juga berbagai-bagai rancangan-rancangan pembangunan yang sedang dijalankan untuk kemajuan negara. Duli Yang Maha Mulia telah juga menyeru kepada semua pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan supaya menyesuaikan diri mereka dan berkhidmat dengan penuh kebanggaan serta dedikasi bagi kemajuan dan kesejahteraan negara. Seruan ini adalah tepat pada masa ini

sebab Pilihanraya Umum sudah pun berlepas dan kita sepatutnya mencurahkan perhatian yang lebih kepada pembangunan negara. Ini adalah untuk menjamin kemajuan dan pembangunan negara dapat dijalankan dengan pesat. Dengan ini juga hasrat-hasrat rakyat, terutama sekali mereka yang miskin, yang tidak ada dan yang kurang berpeluang tanpa mengira kaum dan tempat kediaman mereka, dapat juga dapat dipenuhi.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menunjukkan kesediaan beliau untuk menyediakan sebuah Kerajaan berjiwa rakyat untuk berkhidmat kepada keperluan rakyat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengingatkan mereka yang berada di dalam perkhidmatan Kerajaan mesti mengikut garis-garis panduan yang ditetapkan Kerajaan dan bukan bertindak sewenang mengikut pandangan dan nilai masing-masing di dalam usaha menjalankan matlamat-matlamat Kerajaan. Ini perlu diulang berkali-kali kerana telah didapati penyelewengan-penyelewengan pelaksanaan dasar-dasar Kerajaan adalah punca dan musabab berbagai-bagai kegelisahan di kalangan rakyat. Sudah tiba masanya bagi Kerajaan mengambil tindakan membetulkan keadaan begini supaya suatu jentera pentadbiran yang cekap dapat memenuhi kehendak-kehendak dan hasrat-hasrat Kerajaan serta rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pada ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyarankan dengan tepatnya bahawa mereka yang memilih untuk berkhidmat dengan Kerajaan bermakna juga mereka bersedia berkhidmat kepada negara dan rakyat. Saya ingin menambah bahawa mereka mesti berkhidmat dengan semangat berkhidmat kepada rakyat. Di masa lampau terdapat banyak pengaduan tentang sikap kasar dan "tidak-apa" di kalangan kakitangan Kerajaan. Kita berharap perkara ini tidak akan berulang lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Keretapi Tanah Melayu telah juga melancarkan kempen "Disiplin dan Budi Bahasa". Kita berharap perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu akan bertambah baik selepas ini. Saya ingin mencadangkan supaya mengadakan suatu kempen di kalangan kakitangan Kerajaan keseluruhannya supaya memupuk "konsep dedikasi" di kalangan mereka yang ingin berkhidmat dengan Kerajaan, agar sikap dan pandangan

yang betul dapat dipupuk di dalam perkhidmatan awam dan bagi mereka yang ingin berkhidmat dengannya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah sedia maklum tentang keadaan Bank Rakyat sekarang. Ia merupakan penyelewengan yang mendatangkan kerugian kewangan dan juga mencemarkan kejujuran dan usaha-usaha Kerajaan untuk menolong rakyat meninggikan taraf hidup mereka. Adalah memeranjatkan kepada mereka yang menyimpan wang dalam Bank itu, terutama sekali rakyat miskin seperti petani-petani, pekebun-pekebun kecil, pesawah-pesawah dan nelayan-nelayan, bagaimana Bank tersebut dapat mengalami kerugian berjumlah lebih dari \$67 juta. Dalam pada ini kita berharap Kertas Putih yang akan dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nanti akan dapat juga menerangkan segala tentang Bank Rakyat. Usaha-usaha sekarang untuk memulihkan keyakinan kepada Bank ini bukanlah senang. Kepercayaan dan keyakinan orang ramai terhadap Bank ini telahpun dicemarkan, walaupun mereka merasa senang sedikit dengan langkah-langkah yang diambil kini untuk menuntut segala hutang-piutang pinjaman Bank itu. Sementara itu Kerajaan juga patut mengambil tindakan terhadap semua pegawai-pegawai yang terlibat dalam penyelewengan dan bukan sahaja kadar seorang dua insan. Dan mereka yang didapati bersalah hendak membayar hutang dengan apa bentuk wajarnya. Adalah diharapkan keadaan Bank sekarang ini tidaklah dipergunakan oleh sesiapa sahaja untuk motif politik atau lain matlamat. Kerajaan mempunyai tanggungjawab akhlak untuk memelihara kepentingan rakyat miskin yang telah menyimpan dengan Bank tersebut.

Kejujuran dan keinginan Kerajaan akan diragu jikalau sesuatu agensi yang diamanahkan untuk melaksanakan dasar-dasar dan matlamat-matlamat Kerajaan mengikut garis-garis yang ditetapkan, gagal membuat demikian. Dalam pada ini, adalah perlu untuk mengikut dengan rapi segala kemajuan agensi-agensi ini di dalam melaksanakan rancangan-rancangan dan projek-projek Kerajaan bagi mengelakkan segala penyelewengan-penyelewengan seperti yang terdapat di kes Bank Rakyat. Yang penting sekali, di dalam melaksanakan dasar-dasar Kerajaan, seperti di dalam penyusunan semula masyarakat, tiada

ada sesiapa pun akan merasa kerugian atau kelesapan hak-hak keistimewaan, pendapatan, pekerjaan dan juga peluang-peluang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, ke-lima-lima universiti di dalam negara ini boleh dianggap sebagai agensi-agensi perubahan, modernisasi dan bagi pelaksanaan tujuan-tujuan Kerajaan. Mereka tidaklah sepatutnya terganjak daripada prinsip-prinsip Dasar Ekonomi Baru. Tuan Yang di-Pertua, adalah tanggungjawab saya sebagai wakil rakyat untuk membangkitkan perhatian Dewan ini tentang kegelisahan di kalangan rakyat, terhadap kekurangan peluang-peluang pelajaran di dalam negara ini. Keadaan ini bertambah teruk dengan kadar jumlah bilangan penuntut-penuntut dari kelima-lima universiti yang tidak seimbang. Dari ini telah berbangkit persoalan atas tujuan Kerajaan di dalam penyebaran peluang-peluang pelajaran tinggi. Keadaan ini hendaklah diperbetulkan dengan segera kerana tidak ada maksud sekali untuk mengujudkan suatu ketidak-seimbangan baru di dalam perjalanan membetulkan sesuatu ketidak-seimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia dimaklumkan kita, Anggaran Perbelanjaan wang bagi tahun 1978 akan dibentangkan di dalam persidangan Parlimen ini. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun mengadakan berbagai dialog-dialog dengan pihak swasta dan pertubuhan-pertubuhan perniagaan serta perdagangan bagi mendengar pandangan-pandangan mereka sebelum menetapkan Anggaran Perbelanjaan ini. Ini adalah pendekatan yang baik. Walaupun tidak kemungkinan Menteri berkenaan memenuhi segala desakan-desakan dengan kontra-kontranya, tetapi segala-galanya yang diketengahkan di dalam sidang-sidang dialog ini, tetapi semua pandangan telah dapat dipertimbangkan sebelum menetapkan Anggaran Perbelanjaan 1978. Ini adalah kali kedua Menteri berkenaan mengadakan sidang dialog sedemikian. Adalah juga diharapkan Yang Berhormat Menteri-menteri lain dapat juga mengikut pendekatan yang sama untuk mencungkil pandangan-pandangan dan hasrat-hasrat rakyat sebelum Kementerian-kementerian mereka menetapkan rancangan-rancangan dan dasar-dasar yang melibatkan rakyat jelata. Ini sejajar dengan gaya Kerajaan berjiwa rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya ingin kembali buat sementara kepada tajuk permodenan jentera pentadbiran Kerajaan. Pada

bulan April tahun ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah bercakap tentang keinginan Kerajaan memperbaiki jentera pentadbirannya supaya dapat mempertingkatkan kecekapan dan daya pengeluaran (productivity) di dalam semua jabatan Kerajaan. Beliau memberitahu bahawa terdapat 80,000 tempat pekerjaan yang tertinggal kosong di peringkat Persekutuan, manakala maklumat bilangan kekosongan di peringkat negeri tidak diketahui. Adalah diharapkan bahawa Dewan ini akan diberitahu juga langkah-langkah yang telah diambil dan kemajuan tercapai setakat ini bagi memodenkan jentera pentadbiran. Di dalam memenuhi tempat-tempat kosong ini, bolehkah Kerajaan memastikan bahawa pengambilan kakitangan baru akan dijalankan dengan pertimbangan memperbaiki komposisi kaum di dalam perkhidmatan awam untuk mencerminkan "population" di dalam keseluruhan negara ini supaya menciptakan suatu perkhidmatan awam yang benar-benar bercorak Malaysia? Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri akan juga menyarankan bilangan tempat-tempat kosong yang telah dipenuhi sejak bulan April tahun ini?

Se kianlah sahaja, terima kasih.

4.25 ptg.

**Puan Chow Poh Kheng (Ulu Langat):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap Titah Ucapan Baginda yang cemerlang.

Dalam pada itu, sukalah saya mengemukakan beberapa perkara dan cadangan di Dewan yang mulia ini untuk menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dan untuk dipertimbangkan oleh Yang Berhormat Menteri-menteri berkenaan demi kebaikan bangsa dan negara.

Sejak awal tahun lalu kejadian pembunuhan seringkali tersiar perbuatan mencabul penghormatan gadis-gadis. Demikian juga pembunuhan berlaku terhadap diri mangsa-mangsa rompak. Kejadian-kejadian seperti ini merupakan satu masalah sosial yang serius dan dahsyat yang sedang mengancam negara kita. Berita-berita yang mengesahkan gadis-gadis rumaja yang hilang dari rumah di waktu siang hari. Beberapa hari kemudian gadis-gadis itu dijumpai tetapi

yang dijumpai itu ialah mayatnya yang menjadi korban perbuatan merogol. Sebagai bukti yang nyata, seorang gadis Tionghua bernama Wong Kim Yap berusia sepuluh tahun berasal dari Negeri Sembilan telah dijumpai mati akibat perbuatan yang terkutuk itu.

Kita sedar dan faham bahawa pihak pasukan polis dan keselamatan berusaha dengan sedaya-upaya dan bertungkus-lumus untuk membongkar rahsia pembunuhan itu. Tetapi kebanyakan usaha-usaha mereka tidak berhasil dan akhirnya kes-kes tersebut dilupakan begitu sahaja. Ini adalah satu perkara yang menyedihkan.

Di sini memang tidak dapat dinafikan bahawa kerjasama orang ramai dengan pasukan polis dan keselamatan adalah penting dan sangat perlu dalam usaha mengatasi masalah ini. Tetapi usaha menyelesaikan masalah demi masalah tidak akan berkesan dalam jangka panjang. Oleh itu sesuatu tindakan amatlah perlu untuk mencegah daripada berlakunya perbuatan ini pada masa hadapan. Saya berharap agar pasukan polis dan keselamatan negara kita berusaha dan menyiasat lebih dalam lagi sebab-sebab kejadian itu berlaku. Kenapa amalan-amalan terkutuk ini berleluasa di negara kita? Adakah disebabkan oleh ketidak siuman dalam seks, penagihan dadah, perjudian dan pengangguran? Kes-kes pembunuhan seperti ini telah banyak menimbulkan kesan-kesan penderitaan di dalam negara kita. Barangkali undang-undang di negara kita perlu diperketatkan lagi untuk menghukum penjenayah-penjenayah itu jika tertangkap. Sekurangnya hukuman penjara seumur hidup atau mati ke atas diri penjenayah rogol.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan baru kita dibentuk baharu beberapa bulan yang lalu. Kerajaan kita telah menyarankan hasrat untuk mewujudkan sebuah 'Kerajaan yang bersih, sebuah negara yang aman-damai dan selamat'. Sesungguhnya, ikrar-ikrar untuk berbuat demikian seolah-olah berpura-pura sahaja andainya peristiwa yang mengerikan masih juga berterusan mengancam negara kita saban hari.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya hendak timbulkan di Dewan ini ialah perkara yang berhubung dengan Perkhidmatan Bomba di negara kita. Di hari kebelakang ini boleh dikatakan bencana kebakaran seringkali berlaku di seluruh negara kita. Sebagai contoh, di kawasan Ulu Langat

kebakaran telah berlaku tiga hari berturut-turut. Akibatnya, sebaris kedai yang mengandungi lima pintu telah musnah dan harta-benda rosak-binasanya bernilai berjuta-juta ringgit.

Walaupun punca kebakaran berlaku disebabkan oleh kecuaiannya manusia, kerosakan wire letrik ataupun angkara pengkhianatan, namun Perkhidmatan Bomba yang baik adalah memainkan peranan penting dalam usaha mencegah kemaraan api. Bangunan Bomba di Ulu Langat, misalnya, telah berusia dua-puluh satu tahun. Bukan sahaja kecil, old-fashioned malah alat-alat kemudahan pun kurang. Saya dapati di sana hanya sebuah kereta bomba sahaja, itupun model 1967. Kereta itu tidak mempunyai tangga automatik dan getah-paipnya (hose) pun kecil. Sudah pasti, ketiadaan alat-alat moden ini menyulitkan ahli-ahli bomba mencegah sebarang kebakaran dengan segera. Saya mencadangkan supaya bangunan bomba yang lama itu sepatutnyalah diganti dengan bangunan baru yang lebih besar lagi. Sekurang-kurangnya dua buah kereta bomba disediakan di sana. Rumah-rumah ahli-ahli bomba juga disediakan dalam kawasan bangunan Balai Bomba supaya mereka sentiasa bersedia dan senang dihubungi apabila tambahan tenaga diperlukan serta-merta.

Ulu Langat, sebuah kawasan yang saya jadikan sebagai contoh, adalah satu-satunya daerah yang mana pihak Kerajaan seharusnya mengambil perhatian berat terhadap Perkhidmatan Bomba di sana.

Pada zaman sains dan teknologi ini, semua daerah samada besar ataupun kecil berkembang dengan pesatnya. Tiap-tiap tahun projek-projek pembangunan bertambah begitu juga penduduk-penduduknya. Oleh itu kemudahan-kemudahan untuk orang ramai di daerah-daerah hendaklah diperbaiki dan ditambah sebagai memenuhi permintaan penduduk di sesuatu tempat.

Saya berharap pihak yang berkenaan mengkaji semula Perkhidmatan Bomba di semua bandar dan di kawasan yang kecil supaya Perkhidmatan Bomba di tempat-tempat tersebut lengkap dengan berbagai-bagai alat-alat kemudahan dan juga cukup dengan tenaga pekerjanya. Di samping itu, ahli-ahli bomba hendaklah dilatih dengan cara-cara latihan moden supaya mereka berupaya mencegah sebarang kemungkinan berlaku. Latihan ini sangatlah perlu memandangkan betapa

banyaknya bangunan-bangunan pencakar langit tersergam dengan megahnya di bandaraya-bandaraya di negara kita. Jika ahli-ahli bomba tidak dilatih untuk menghadapi masalah-masalah 'Architectural', maka kedudukan bangunan-bangunan yang tinggi di negara kita akan dalam bahaya.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya juga ingin hendak menceritakan masalah-masalah di Sekolah-sekolah Jenis Kebangsaan. Saya berharap agar Kerajaan memberi peruntukan yang lebih kepada Kementerian Pelajaran supaya pihak tersebut dapat membantu sekolah-sekolah yang mundur seperti memperbaiki bangunan sekolah, menambahkan bilik-bilik darjah dan mengadakan alat-kelengkapan sekolah. Bangunan-bangunan dan alat-kelengkapan ini adalah satu daripada faktor-faktor penting yang boleh membantu dan menggalakkan pelajar-pelajar maju.

Saya berharap ketiga-tiga . . . .

**Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu):** Tuan Yang di-Pertua, menurut Standing Order 13 (1), nampaknya kita tidak cukup koram sekarang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** 13 (1)?

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba hitung.

*(Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila teruskan!

**Puan Chow Poh Kheng:** Saya berharap ketiga-tiga cadangan yang saya kemukakan di majlis persidangan ini sudilah kiranya pihak Yang Berhormat Menteri-menteri berkenaan mempertimbangkannya. Itu adalah kehendak rakyat dan mereka yakin bahawa Kerajaan kita akan berusaha dengan sedaya-upaya memenuhi kehendak-kehendak rakyat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya tempohkan Dewan ini sebentar. Dewan ini di-tempoh selama 20 minit.

*Persidangan ditempokkan pada pukul 4.38 petang.*

*Persidangan disambung semula pada pukul 5.05 petang.*

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

## USUL

### UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

*Perbahasan disambung semula.*

5.06 ptg.

**Tuan V. David (Damansara):** Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah merasmikan pembukaan sidang Parlimen Kelima. Negara telah merayakan tahun kedua puluh satu tercapainya kemerdekaan. Rakyat di negara ini telah melalui pilihan-raya pertengahan penggal pada baru-baru ini. Meskipun Barisan Nasional telah diberikan mandat untuk memerintah selama lima tahun lagi. DAP pula telah dimandatkan sebagai Pembangkang yang terbesar, efektif, adil, taatsetia dan konstruktif. Pengundian itu telah menunjukkan bahawa 45% daripada pengundi menentang polisi Kerajaan dan mereka menyatakan protes mereka itu melalui media peti undi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak boleh mengenenpikan begitu sahaja peranan yang diharapkan dan yang akan dimainkan oleh DAP sebagai Pembangkang yang terpuji di dalam badan perundangan yang tertinggi sekali dalam negara ini. Untuk membolehkan demokrasi berjalan dengan bermakna maka Pembangkang perlu mengujudkan demokrasi bukan sesuatu kemewahan yang patut dinikmati secara yang salah atas teori yang dipertahankan secara mencemarkan akan tetapi ia adalah satu cara yang sepatutnya digunakan untuk kebajikan semua. Pembangkang yang sentiasa menekan Kerajaan bagi meninggikan mutu kecekapan yang membantu rakyat meninjau dengan lebih jelas semua aspek masalah yang dihadapi oleh negara. Menyampaikan pendapat yang sebaliknya dan memastikan perjalanan demokrasi yang lohor. Sesebuah parti pemerintah yang tidak cekap dan Pembangkang yang tidak bertanggungjawab sepatutnya dipersalahkan bila demokrasi hanyut ke dalam kubur.

Tuan Yang di-Pertua, tanpa ujudnya satu Pembangkang demokrasi berparlimen tidak bermakna dan cemar. Semua manusia dilahirkan bebas dan berhak mempunyai pendapatnya sendiri ke atas sebarang issue. Rintangan pendapat bukan merupakan tindakan bermusuhan. Minta izin, Tuan Yang di-Pertua, mengenai quotation ini, iaitu "John Stuart Mill mengatakan:

"On every subject on which difference of opinion is possible the truth depends on a balance to be struck between two sets of conflicting reasons".

**Tuan Yang di-Pertua:** Cuba sebutkan dari mana cabutan itu, Publication mana, untuk rekod supaya dimasukkan dalam Hansard.

**Tuan V. David:** Publication itu ialah dalam satu buku mengenai Survey Burma/Malaysia . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Nama buku itu sahaja sudah cukup. Tidak ingat publisher pun tidak apa.

**Tuan V. David:** "Colonial Burma and Malaysia". Dailog-dailog akan membantu menyelesaikan masalah dan menggerakkan aktiviti.

Selama 20 tahun kemerdekaan yang lalu, apa yang disebutkan sebagai integrasi kaum yang diusahakan oleh Kerajaan yang ada nampaknya telah gagal. Polarisasi kaum telah menjadi amalan seharian mereka. Pembahagian parti-parti politik yang komunal dalam Barisan Nasional adalah satu bukti yang nyata tentang polarisasi kaum. Bekas Menteri Kewangan yang kini menjadi Penasihat Kewangan Kerajaan, di dalam satu temu bual khas dengan *Utusan Melayu* pada 14hb Julai memberitahu: Minta izin, Tuan Speaker.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada, tidak apalah.

**Tuan V. David:** Ada. Petikan:

"Berasa sedih melihat bahawa polarisasi komunal bertambah khususnya di kalangan belia . . . ."

**Tuan Yang di-Pertua:** *Utusan Melayu* atau *Utusan Malaysia*?

**Tuan V. David:** *Utusan Melayu.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya nampak itu bukan Jawi.

**Tuan V. David:** Bukan Jawi; Rumi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Utusan Melayu Jawi.

**Tuan V. David:** Saya teruskan,

“Cara memperbaikinya hanyalah dengan membentuk Barisan Nasional sebagai sebuah parti politik menggantikan sistem berbagai parti-parti politik sebagai ahli-ahli komponennya seperti yang terdapat sekarang. Adalah sukar untuk memajukan pendapat ini kepada parti-parti politik ini akan tetapi kebenaran terpaksa dihadapi dan sama ada kita suka ataupun tidak, seseorang yang berjiwa waja terpaksa memulakan dan memajukannya supaya diminati, bagi menyedarkan orang-orang kita bahawa kini perpaduan kebangsaan lebih diperlukan. Polarisasi komunal merebak khususnya di kalangan generasi muda.”

Kenyataan beliau itu merupakan suatu bukti bahawa polarisasi kaum adalah sebenarnya hasil dari polisi Barisan Nasional iaitu dengan memecahbelahkan orang ramai dan memerintah. Perpaduan kebangsaan mengatasi aspirasi perkauman akan hanya boleh menjadi suatu kenyataan bila Barisan Nasional bersedia mengakui keperluan untuk memansuhkan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO), Persatuan China Malaysia (MCA) dan Kongres India Malaysia (MIC) dengan sebuah parti tunggal yang dibuka kepada semua tanpa mengira bangsa. Cabaran ini adalah di hadapan Perdana Menteri dan samada beliau sedia melenyapkan warisan dan titik-titik perkauman yang terdapat dalam parti-parti komunalnya sendiri dan membuka pintu bagi sebuah parti berbagai kaum.

Tuan Yang di-Pertua, keupayaan Perdana Menteri untuk mengamalkan intergrasi kaum akan hanya bermakna bilamana beliau bersedia mengambil satu langkah yang berani dan imaginatif bagi memansuhkan semua parti politik yang komunal di dalam Barisan Nasional dan mengorak langkah menerima hakikat tentang keperluan yang bersegera mengadakan politik kaum (multi-racial).

Allahyarham Dato' Onn bin Jaafar mesti dikenang kerana usahanya mengenalkan UMNO kepada semua rakyat Malaysia tetapi malangnya beliau telah dikalahkan oleh politik perkauman.

Tuan Yang di-Pertua, DAP memandang berat ke atas penghakisan hak-hak manusia dan kebebasan individu yang berlaku semenjak beberapa tahun yang lalu. Rasa tidak puas hati mereka merebak luas di kalangan orang ramai terhadap larangan perhimpunan politik ketika pilihanraya umum yang berlaku. Ia adalah suatu usaha yang sengaja untuk menghalang pihak Pembangkang dari berhubung dengan para pengundi dan satu langkah yang disusun rapi dibentuk untuk menyekat fungsi-fungsi Pembangkang. Kerajaan bimbang kerana ia tidak mempunyai jawapan terhadap janji-janji yang telah diperakukan dan tidak dapat disempurnakan, kerana jika rapat-rapat umum dibenarkan pihak Pembangkang pasti akan mendedahkan kelemahan-kelemahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat, adakah kita beransur-ansur kehilangan hak-hak berperlembagaan atau adakah kita menuju ke arah facism. Dua elemen demokrasi adalah pengiktirafan ke atas nilai moral individu dan hak untuk menyalahkan iaitu untuk menentang. Orang ramai dari lain-lain bangsa telah menerima Perlembagaan di dalam tahun 1957 dengan harapan ianya boleh dijalankan dan akan menguatkan norma-norma demokrasi, akan tetapi sayangnya terlalu banyak pindaan yang dilakukan semenjak dalam tempoh 20 tahun yang berlaku yang mana telah menurunkan kedudukannya hingga menjadi tidak efektif. Sesebuah Perlembagaan hendaklah dipinda hanya atas keadaan-keadaan yang mendesak akan tetapi Perlembagaan kita telah menerima tamparan yang paling buruk dari masa ke semasa sehingga semangat nilai-nilai demokrasi di dalam Perlembagaan telah dihapuskan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan dari pindaan-pindaan itu adalah semata-mata untuk menghancurkan kebebasan. Negara Malaysia adalah ahli Komuniti Antara-bangsa dan kita memperakukan objektif-objektif Bangsa-bangsa Bersatu. Pendahuluan yang telah diterima dan diambilsuai pada 10hb Disember, 1948 menyatakan seperti berikut:

*Petikan:*

“Mengiktiraf maruah yang diwarisi dan persamaan serta hak-hak semua ahli keluarga manusia adalah asas kebebasan, keadilan dan kedamaian di dalam dunia.”

Kita semua terdiri dari satu keluarga manusia. Setiap ahli keluarga kita mempunyai asas yang sama dan hak-hak yang sama.

Setiap orang dari kita adalah berhak untuk dihormati terhadap hak-hak ini dan setiap orang dari kita mempunyai suatu tanggungjawab untuk melindungi hak-hak itu untuk orang-orang lain. Perbezaan bangsa, jantina, bahasa dan warna kulit tidak merubahkan hak-hak ini. Demikian juga dengan perbezaan sosial, akal dan pemikiran politik mahupun kepercayaan beragama. Setiap orang, walau siapa juga dan apa juga yang mereka lakukan atau fikirkan adalah dilahirkan dengan hak-hak kemanusiaan. Kebebasan individu di Malaysia nampaknya bertambah merosot. Demokrasi memperakukan bahawa setiap orang mempunyai suatu cahaya dalam dirinya dan beliau mestilah hidup melalui panduannya. Ini memberikan setiap orang merasakan asas maruah manusia. Demokrasi bermakna peluang yang sama bagi semua. Demokrasi bermakna sebuah masyarakat yang seimbang meskipun mereka mungkin dari lain bangsa dan anda memberi mereka layanan yang sama—itulah sebenarnya intisari demokrasi. Demokrasi adalah satu vision masyarakat manusia dari orang-orang berlainan yang diberikan layanan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, Perlembagaan dari mana-mana negara adalah merupakan dokumen yang dimuliakan yang mana menetap dan memutuskan masa depan sesebuah negara. Meskipun bilamana Parlimen dibubarkan perlembagaan adalah kuasa pemerintahan yang tertinggi. Pindaan-pindaan pada perlembagaan sentiasa dikaji berhati-hati dan buruk baiknya sentiasa ditimbang. Dalam kebanyakan kes satu referendum diminta dari orang ramai bagi memastikan orang ramai menerima pindaan-pindaan dalam perlembagaan.

Di Malaysia semenjak 31hb Ogos, 1957 hingga ke hari ini perlembagaan telah banyak kali diubah dan banyak pindaan telah diperkenalkan dan kebanyakan darinya bukan untuk kebaikan tetapi sekalinya untuk keburukan. Hak-hak dan keistimewaan yang pernah dinikmati oleh rakyat jelata telah beransur-ansur dihilangkan melalui proses memperkenalkan pindaan-pindaan dan dalam kebanyakan hal pindaan-pindaan yang sedemikian itu adalah tidak diperlukan dan tidak sepatutnya dilakukan. Kebanyakan dari perbekalan-perbekalan hak-hak kemanusiaan telah dihapuskan dan masanya telah sampai untuk meninjau ke dalam perlembagaan bertujuan mengembalikan semula hak-hak yang dinikmati dalam tahun 1957 semasa kemerdekaan.

Pindaan-pindaan yang dilakukan itu telah menjadi pengkhianatan pada kemerdekaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membangunkan sebuah institusi yang demokratik, kita memerlukan hak untuk bebas dari pelanggaran ke atas integriti seseorang dari pihak Kerajaan. Pelanggaran yang sedemikian rupa itu termasuk perlakuan atau penghukuman yang kejam dan tidak berperikemanusiaan seperti penangkapan atau penahanan yang arbitraripenidakan keadilan dari pendakwaan awam dan serangan penaklukan rumah. Bilamana manusia dikeluarkan dari rumah mereka secara paksa—disoal berterus-terusan mengikut sesuka orang-orang yang menangkap dan bila berlaku yang sedemikian maka mereka yang benar-benar menghargai nilai-nilai kemanusiaan mestilah menyuarakan hak-hak manusia. Hak untuk menikmati kebebasan sivil dan politik, kebebasan berfikir, beragama, berhimpun, berucap, pihak akhbar, kebebasan bergerak; kesemua ini adalah merupakan hak-hak asasi manusia.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) 1960 ke atas penangkapan dan tahanan arbitari tanpa perbicaraan adalah bertentangan dengan prinsip-prinsip hak asasi manusia. Keengganan meluluskan kerakyatan kepada mereka yang layak menerimanya berdasarkan perjanjian yang dicapai dengan Kerajaan koloni semasa kemerdekaan adalah merupakan suatu penyangkalan kepada orang ramai untuk hidup bebas.

Penyekatan ke atas kebebasan pihak akhbar—dan pembahagian kawasan-kawasan pilihanraya yang tidak seimbang adalah meracuni konsep sebuah masyarakat yang bebas. Penyangkalan terhadap bahasa dan kebudayaan seseorang juga merupakan satu bahaya kepada institusi kita, dan tindakan-tindakan Kerajaan adalah merupakan suatu perlakuan yang menunjukkan bahawa negara kita menuju ke arah diktator dan “tyranny”.

Tuan Yang di-Pertua, masanya telah tiba untuk memeriksa dengan teliti perlembagaan dan bahaya yang mengancam demokrasi dalam negeri. Bagi tujuan ini, DAP mencadangkan penubuhan sebuah suruhanjaya yang bebas yang diketuai oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi dengan pakar-pakar ilmu undang-undang wakil-wakil dari semua parti

politik, Kesatuan-kesatuan Sekerja dan institusi-institusi awam untuk mengkaji dan membuat rekomendasi-rekomendasi yang menjangkau ke arah pelanggaran hak-hak manusia yang telah berlaku hasil dari pindaan-pindaan yang banyak dilakukan dalam Perlembagaan di masa-masa yang lalu dan bagaimana ianya boleh dikembalikan bersesuaian dengan Perjanjian yang dicapai di antara Malaysia dan Kerajaan Kolonial ketika kemerdekaan.

Pada 13hb Julai, 1976 Perdana Menteri telah berucap dalam Parlimen, katanya:

“Some people always ask whether the Constitution should be amended from time to time, or whether it should be amended at all.....a Constitution is a current document and, therefore, it is bound to develop. Our society is not static and cannot be governed by a document which is unchanging..... obviously a balance has to be struck between the two points of view (whether unsatisfactory or inappropriate) provisions should continue to be regarded as sacred and immutable, or whether they should be amended to accord with current needs and thinking.....”

Tuan Yang di-Pertua, DAP tidak mementang pindaan-pindaan kepada Perlembagaan demi untuk perbaikan kemajuan akan tetapi bukan untuk tujuan menanggalkan kebebasan dan hak-hak yang dinikmati. Maka itu pindaan-pindaan hendaklah hanya dilakukan untuk kemajuan dan bukan untuk melanjutkan penyekatan dan halangan-halangan yang menyangkal hak-hak orang ramai. Perlembagaan dan polisi Kerajaan mestilah sesuatu yang adil dan saksama bagi semua.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun dengan adanya laungan objektif-objektif sebuah masyarakat yang multi-racial kita telah memindahkan Perlembagaan dalam tahun 1962 untuk menyelaraskan sistem.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, duduk dahulu! Daripada 25 minit Yang Berhormat sudah bercakap sebahagian besarnya ialah berkenaan dengan pindaan-pindaan Perlembagaan. Ini kita membincangkan Usul Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong. Quotation yang dibawa itu banyak yang semata-mata kerana pindaan, jadi saya

tidak boleh benarkan. Satu jurusan sahaja hampir 25 minit masa yang diambil, jadi tolong ringkaskan hal tersebut dan sebut yang lain.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, saya hanya memberi contoh bagaimana pindaan-pindaan dibuat kepada Constitution dan diadakan berbagai restriction.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, saya faham itu.

**Tuan V. David:** Tidak lama lagi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tetapi hendaklah dibincangkan perkara yang lain.

**Tuan V. David:** Dalam tahun 1962 pindaan dibuat untuk menyelaraskan sistem pengundian bagi faedah sebuah parti politik tertentu yang berorientasikan perkauman. Warisan luar bandar adalah suatu diskriminasi yang jelas terdapat di dalam Perlembagaan kita. Demi untuk menguasai sistem politik maka Parti Perikatan di masa itu telah meminda Perlembagaan. MCA dan MIC telah turut memberikan sumbangan kepada falsafah politik yang berat sebelah ini. Dalam negara-negara yang demokratik yang dewasa adalah dijadikan prinsip yang menguasai pilihanraya. Akan tetapi di Malaysia sistem pengundi telah diperbagai-kan melalui penyelewengan yang janggal dalam menentukan kawasan-kawasan pilihanraya. Tujuannya yang jelas kelihatan ialah dengan memberikan perhatian yang tertentu pada satu bangsa. Perihal yang demikian, semua undi tidak mempunyai nilai yang sama, para pengundi dari satu puak yang tertentu mempunyai kelebihan dari para pengundi yang lainnya.

Tuan Yang di-Pertua, selepas itu didatangkan pula.....

**Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman):** On a point of order.

**Tuan Yang di-Pertua:** On a point of order. Sila duduk!

**Dato' Abdullah bin Abdul Rahman:** Nam-paknya kata-kata Yang Berhormat itu boleh menimbulkan perasaan benci-membenci antara satu kaum dengan satu kaum yang lain dan ini bertentangan dengan Peraturan Mesyuarat 36 (10) (c).

**Tuan Yang di-Pertua:** Setakat ini belum sampai kepada peringkat itu lagi dengan sebab itu saya benarkan, kalau diteruskan, bolehlah saya tahan. Ya, sila teruskan.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, selepas itu pula didatangkan pindaan-pindaan Perlembagaan dalam mana penangkilan dan tahanan dilakukan tanpa perbicaraan sebagai menggantikan Peraturan-peraturan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah cakap tadi kalau hendak teruskan dengan perkara pindaan Perlembagaan ini berhentilah.

**Tuan V. David:** Tidak fasal ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada lain yang hendak dicakap, berhenti sahaja.

**Tuan V. David:** Sebab ini Undang-undang Darurat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Quotation daripada Titah Ucapan tidak ada, hampir 20 minit sekarang ditambah 3 minit lagi bercakap berkenaan dengan pindaan Perlembagaan, kalau tidak aspek lain yang hendak disentuh dalam Titah Ucapan ini, boleh duduk sahaja.

**Tuan V. David:** Tuan Yang di-Pertua, barangkali saya hendak tukar fasal lain. Memecah dan mencemarkan kuil-kuil Hindu adalah merupakan satu incident yang belum pernah . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini saya tidak izinkan, perkara ini *sub judice*, dalam mahkamah, jangan sebut hal itu.

**Tuan V. David:** Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua

**Tuan Yang di-Pertua:** Perkara-perkara yang sedang ditimbang di mahkamah jangan disebut di dalam Dewan ini.

**Tuan V. David:** Tangkapan dan tahanan tanpa perbicaraan kini menjadi seperkara yang tetap di dalam Perlembagaan kita. Contoh yang jelas tentang perkara ini ialah tahanan yang dikenakan kepada Yang Berhormat Encik Chan Kok Kit seorang Ahli Parlimen kawasan Sungai Besi dan Yang Berhormat Encik Chian Heng Kai. Walaupun mereka telah menang bertanding dalam pilihanraya bagi kawasan Parlimen dengan majoriti yang

besar semasa samada di dalam tahanan, maka tindakan menahan mereka berterusan adalah berlawanan dengan kehendak orang ramai. Mereka ini ditahan cuma kerana mereka mempunyai pendapat yang berlainan dari mereka yang memegang kuasa memerintah. Kiranya ini merupakan satu jenayah maka mereka sepatutnya dikemukakan di mahkamah terbuka untuk pembicaraan bagi membuktikan tuduhan-tuduhan terhadap mereka.

Pendaftaran para pengundi dan sistem yang diamalkan di masa ini adalah bertentangan dengan pilihanraya yang bebas. Pengundi-pengundi dilarang dari mendaftar dalam beberapa pusat semasa pendaftaran. Mereka yang telah mendaftar tidak mendapati nama-nama mereka di dalam buku-buku pendaftaran pengundi. Pusat-pusat pendaftaran yang tertentu melarang orang ramai dari mendaftar dengan alasan bahawa borang-borang tiada kepadatan. Di samping itu ada juga pengundi-pengundi yang telah berdaftar tidak mendapati nama-nama mereka di dalam buku daftar pengundi disebabkan penyelewengan di mana kemungkinan berlakunya borang-borang yang berkenaan dihapuskan kiranya ia dari sesuatu kaum yang tertentu.

Terdapat sebab-sebab yang menimbulkan syak ini kerana sebilangan besar para pengundi yang berdaftar tidak dapat mencari nama-nama mereka. Adakah tidak adil pendaftaran dilakukan dalam tahun secara berterusan dan bukan hanya untuk satu tempoh yang tertentu sahaja? Pejabat pilihanraya berjalan sepanjang tahun dan kami tidak mendapati sebarang alasan kenapa pendaftaran tidak boleh dijalankan di sepanjang tahun. Kehilangan nama-nama di dalam pendaftaran pengundi memerlukan penyiasatan. Elemen syak telah timbul bahawa di mana dalam kawasan-kawasan pembangkang buku-buku pengundi tidak mengandungi nama pengundi dari sesuatu kaum yang tertentu kerana bimbang bahawa mereka mungkin tidak akan mengundi Barisan Nasional. Suruhanjaya Pilihanraya yang bertugas sebagai sebuah badan yang bebas sepatutnya berada dalam kedudukan yang mengatasi segala bentuk rupa syak.

Seterusnya, umur mengundi hendaklah dikurangkan kepada 18 tahun. Sebagai sebuah negeri yang muda dan memandangkan kemajuan sosial dan pelajaran, maka kelayakan umur mengundi hendaklah dikurangkan, demi untuk membolehkan orang-orang muda melaksanakan hak-hak asasi mereka.

Tuan Yang di-Pertua, pengurniaan darjah bintang dari Kerajaan telah menjadi sepeker yang murah dan terdedah untuk dikritik. Pengurniaan darjah seperti P.P.N dan P.J.K. telah menjadi lumrah sehinggakan bilamana timbul persaingan untuk jawatan-jawatan rasmi di dalam parti memerintah, mereka yang bertanding untuk merebut jawatan-jawatan itu sering kali berfikir bahawa jawatan itu kelak akan memberikan mereka pengurniaan bintang-bintang. Demi untuk menjaga mutu dan taraf yang tinggi dan mengelakkan dari penyalahgunaan, maka Kerajaan hendaklah menyediakan garis-garis panduan yang tertentu dalam memberikan penganugerahan. Hingga dewasa ini pengurniaan-pengurniaan itu telah menjadi hadiah politik pada orang-orang yang tertentu bagi mereka yang menyokong parti memerintah. Cara begini hanya menampakkan penyelewengan dalam pemberian anugerah bintang-bintang.

Penganugerahan bintang hendaklah khusus diberikan kepada orang-orang yang benar-benar memberikan perkhidmatan kepada masyarakat khususnya kepada mereka yang kurang bernasib baik dalam penghidupan. Misalnya kepada kanak-kanak buta, pekak, rumah orang-orang tua, anak-anak yatim dan lain-lain perkhidmatan kemasyarakatan. Pekerja-pekerja sukarela yang banyak mengorbankan masa mereka tanpa sebarang ganjaran sepatutnya diiktiraf. Saya yakin dan percaya bahawa Perdana Menteri tidak ingin melihat penganugerahan dan pengurniaan ini terus disalahgunakan. Ada di antara mereka yang pernah mempunyai rekod-rekod jenayah telah juga menerima penganugerahan ini. Rekomendasi untuk pengurniaan ini hendaklah tidak datang dari parti-parti politik Barisan Nasional. Rekomendasi-rekomendasi sepatutnya dari berbagai jabatan bersesuaian dengan perkhidmatan dan orang-orang yang tertentu di dalam kerja sosial, kebajikan dan sukarela. Ini dapat menghalang penyelewengan dan orang ramai yang benar-benar wajar menerima penganugerahan kerana tugas-tugas yang cemerlang sahaja diberi penghormatan ini. Seluruh negara menyedari bahawa penganugerahan dilakukan secara diselewengkan dan dengan ini ianya telah kehilangan kehormatan dan nilainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi?

**Tuan V. David:** Tidak sampai 5 minit barangkali. Kiranya kita mengkaji penganugerahan yang lalu, khususnya semasa sebelum pilihanraya ini akan dapat dipastikan bahawa sebilangan dari mereka tidak layak menerima bintang-bintang pengurniaan itu.

Jika penganugerahan-penganugerahan itu berdasarkan kriteria untuk faedah politik, maka kita hanya telah menjejaskan pengurniaan Duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang telah disalahkan oleh rekomendasi-rekomendasi.

5.44 ptg.

**Tuan Mark Koding (Kinabalu):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan bercakap menjunjung Titah Ucapan Diraja telah mengemukakan satu ketetapan dan garis panduan serta signifikasi yang harus dihala oleh kita 5 tahun yang akan datang dalam usaha kita membina sebuah negara yang makmur dan bersatu padu. Saya berharap anggota-anggota Kerajaan dalam Dewan yang mulia ini akan berterus-terang menyokong titah Baginda, meskipun kelak puak Pembangkang nanti cuba menimbulkan emosi yang berasaskan sentimen perkauman.

Perkembangan yang berlaku dalam negara kita akhir-akhir ini terutama sekali cabaran-cabaran berterus-terang terhadap dasar-dasar kebangsaan kita dan sikap Kerajaan terhadap pencabar-pencabar itu telah menimbulkan satu tanda-tanya besar di kalangan rakyat Malaysia. Apa yang salah di pihak kita dan kenapa usaha-usaha kita selama ini untuk mengwujudkan harmoni dan perpaduan kebangsaan telah menemui kegagalan walaupun kita mencubanya sejak dua dekad yang lalu. Apa yang salah dan apa yang harus kita buat sekarang ini.

Sebagaimana Timbalan Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir, izinkan saya membuat quotation:

“On the surface, the deliberate avoidance of discussion on this matter seems good. It preserves the atmosphere of tranquility which is mistaken for racial harmony. It makes good administration. It encourages investment and development. But the actual situation beneath this seeming tranquility and harmony is fraught with danger. Every community, whether Chinese, Indian or Malay clinging tightly to racial loyalties, keeps on sparring with

the problem. Because of the fierceness involved, this sparring tends to build up tensions which could boil over."

Timbalan Perdana Menteri telah juga memberikan analisisnya terhadap keadaan negara kita dalam tahun 1970 dan sehingga ke saat ini kita nampak kenyataan dan kebenarannya.

Perkembangan besar yang memeranjatkan ialah segi glamor galakan mendapatkan pelajaran tinggi masyarakat Tionghua yang langsung mengenyepikan dasar pelajaran kebangsaan dan juga perasaan kaum Bumi—golongan rakyat asli negara ini.

Selepas trajidi 13 Mei 1969 desakan-desakan seperti itu agak reda dan rakyat nampaknya berpuas hati di atas dasar-dasar kita dan menerima pelaksanaannya. Bagaimanapun, sejak dua tahun yang lalu ini ada golongan yang mendesak supaya dasar tersebut diubah. Desakan untuk penggunaan bahasa China telah menjadi-jadi dan tidak menasabah lagi hingga kaum China yang berhaluan moderate daripada parti-parti pemerintah juga telah bersama-sama menyertai kumpulan mempengaruhi masyarakat China

Rakan-rakan daripada Gerakan dan M.C.A telah berganding bahu dengan DAP di atas perkara ini semasa kempen pilihanraya Parlimen yang lalu mengharapkan bahawa mereka akan mendapat sokongan politik kaum mereka. Mereka masih lagi berlanjutan menentang dasar Kerajaan menolak penubuhan Universiti Merdeka. Mereka ini telah lupa bahawa tindakan serupa itu telah pernah menyakitkan hati dan perasaan kaum bumiputra serta menimbulkan semula kecugrahan mereka terhadap kaum China. Jurang persefahaman di antara bumiputra dan kaum China semakin jauh dan mendalam.

Parti Gerakan dan M.C.A. telah merayu kepada Kerajaan supaya menimbangkan kembali penolakan permohonan untuk menubuhkan Universiti Merdeka. Setiausaha Agung DAP akan mengemukakan usul di Dewan yang mulia ini supaya meluluskan penubuhan Universiti tersebut. Dia mendakwa bahawa rakyat telah terperanjat di atas keputusan Kerajaan itu dan ini adalah bertentangan dengan Artikel 152 Perlembagaan Persekutuan Sementara menyuarakan sentimen dan emosi kaum China, Pengerusi DAP mahukan satu konferensi diadakan di antara partinya dengan Parti-parti Komponen Barisan Nasional untuk

menyediakan satu charter "blue print" demi perpaduan negara; issue ini telah menjadi terlalu eksplosif dan hendaklah dihentikan sebelum ia meletup di depan kita.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa apabila kaum imigren diberi kerakyatan, mereka menerima hakikat yang mereka akan menjadi bangsa Malaysia. Apabila mereka menerima kewarganegaraan negara ini mereka hendaklah menerima obligasinya, tanggungjawab dan tugas-tugas terhadap negara ini dan bukan hanya hak-hak yang diperolehi daripadanya. Mereka telah menerima bahasa kita dan mendidik anak-anak mereka menerusi Bahasa Kebangsaan. Apabila mereka mendakwa bahawa mereka adalah orang Malaysia mereka mestilah juga menerima kebudayaan dan tradisi negara ini.

Saya quote lagi, dengan izin Tuan Speaker, apa yang dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri,

"The education policy of any country, apart from its function of imparting and promoting knowledge, is invariably a means to instilling into minds of future citizens a sense of oneness, loyalty and pride in the country. The language medium is of extreme importance in creating a feeling of oneness, and so the medium of instruction is always that of the definitive race. But the language is not the only important aspect of a national education policy. The whole curriculum is important. The teaching of history, geography, and literature are all designed to propagate one idea: that the country, belongs to the definitive people, and to belong to the country, and to claim it, entails identification with the definitive people. This identification is all-prevading and leaves no room for identification with other countries and cultures. To be identified with the definitive people is to accept their history, their geography, their literature, their language and their culture, and to reject anything else. The education system is always single and national."

Adakah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir betul ataupun salah atas pandangan yang sedemikian?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam Dewan ini, Yang Berhormat, jangan sebut nama, madailah kalau Menteri sebutkan jawatan Menteriya atau kawasan pilihannya.

**Tuan Mark Koding:** Adakah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri betul ataupun salah atas pandangan yang sedemikian? Adakah kita menerima nasihatnya dan menurut landasan yang disyorkan olehnya ataupun kita pilih jalan bersendirian dan membiarkan negara ini terjerumus ke dalam satu kontroversi yang akan menjejaskan perhubungan kaum? Pada pendapat saya, kita hendaklah mengikut Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr Mahathir dan pemimpin-pemimpin Nasional kita dengan penuh keazaman oleh sebab hanya dengan jalan inilah sahaja kita akan dapat membentuk sebuah negara Malaysia yang bersatu padu.

Negara-negara lain di Asia telah menggunakan prinsip ini apabila mereka merangka dasar-dasar pelajaran nasional. Di negeri Thai, Burma, Indonesia dan Filipina, kaum imigren tidak dibenarkan untuk mendirikan sekolah-sekolah mereka dan mereka tidak berani untuk membuat apa-apa desakan kepada rakyat tempatan dan Kerajaan. Apa yang telah terjadi kepada negara-negara tersebut dan apa yang sedang berlaku di Vietnam pada masa ini di mana 2 juta kaum China telah diperintah meninggalkan negara itu adalah disebabkan oleh sikap mereka yang ingin melanjutkan bahasa dan kebudayaan serta hasrat untuk mengekalkan identiti asing mereka di negara orang. Malaysia sentiasa bertimbang rasa dalam hal ini dan bersikap liberal. Sikap dan ke-sanggupan untuk menerima warganegara asing ini sepatutnya tidak disalah tafsirkan sebagai satu kelemahan. Sikap berpura-pura daripada Gerakan, MCA dan DAP bahawa mereka menghormati keharmonian kaum dan perpaduan negara telah dinyatakan oleh desakan-desakan yang telah dibuat untuk melanjutkan penggunaan bahasa China dan mengekalkan identiti kaum mereka.

Saya telah terperanjat baru-baru ini apabila saya ternampak gambar sebuah lorong di Kuala Lumpur di majallah *Time* oleh kerana gambar tersebut dengan senang sahaja dapat mengelirukan sebagai telah diambil di Hongkong atau Taiwan. Akan tetapi tidak, lorong itu adalah di Kuala Lumpur yang tidak mempunyai ciri-ciri Malaysia. Pembaca-pembaca seberang laut yang membaca majallah ini yang mana telah membawa cerita mengenai Perdana Menteri kita mungkin menganggap bahawa kita ini terletak di suatu tempat di negeri China. Pelawat-pelawat asing yang lalu lintas di lorong-lorong dan bandar

negeri kita sama juga seperti berlalu lintas di lorong-lorong di Taiwan oleh sebab papan-papan tanda yang tertulis besar dalam bahasa China terdapat di tiap-tiap kedai dan ini telah memberi gambaran bahawa seolah-olah mereka berada di dalam kawasan di luar daripada Malaysia.

Sekiranya Kerajaan boleh menjamin mutu pelajaran yang tinggi di dalam Bahasa Malaysia dan menjamin pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa kedua yang dimestikan, ini akan menyenangkan kepada sesiapa yang hendak melanjutkan pelajaran ke seberang laut. Sekiranya di tahun-tahun kebelakangan ini Kerajaan telah menekankan bahawa mutu pengajaran bahasa Inggeris akan dikekalkan ini adalah kerana beberapa sebab dan faktor. Sekiranya doctors, engineers dan lain-lain pakar lulus daripada Universiti-universiti India, Pakistan, Bangladesh dan Indonesia di mana mereka menggunakan bahasa masing-masing diterima oleh seluruh dunia, saya tidak nampak apa-apa sebab-sebab mengapa doktor-doktor, engineer dan lain-lain pakar yang telah lulus daripada universiti-universiti kita tidak dapat diterima oleh dunia. Sekiranya anak-anak kita dan jenerasi akan datang mendapat jaminan mutu pelajaran yang tinggi dan peluang-peluang pekerjaan tanpa mengira aliran mata pelajaran dari sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian tinggi tiada siapapun yang sepatutnya menolak sistem ini. Selagi sistem pelajaran kita memenuhi cita-cita nasional dan juga aspirasi rakyat kita mestilah berani bertindak untuk membuat keputusan dalam hal-hal yang penting. Sikap orang-orang Melayu, China dan India dalam perkara ini adalah satu perkara yang sudah menjadi biasa.

Saya tidak menyalahkan di atas pendirian mereka yang mementingkan warisan kaum mereka. Seperti juga saya sebagai salah seorang kaum daripada 300 juta rumpun bumiputra atau Melayu, samalah juga dengan seorang China yang bangga menjadi satu kaum yang berjumlah seribu juta dan orang India yang menjadi ahli kaum yang berjumlah 700 juta di dunia. Akan tetapi, usaha yang melampau oleh kaum imigren untuk mengekalkan identiti kaum dalam bentuk yang asal dalam negara angkat adalah menjadi satu batu penghalang yang maha besar untuk mencapai perpaduan negara. Perkara ini kita terima bulat-bulat dan kita juga menerima bahawa ianya sangat merbahaya kepada negara kita.

Dilemma yang kita hadapi adalah disebabkan oleh Artikel 152 Perlembagaan kita yang sedang dicabar mentah-mentah di hadapan kita. Artikel tersebut sudah terbukti akan menghancurkan negara kita kerana ianya telah disalahgunakan oleh kaum yang dilindungi oleh Artikel itu. Sementara mereka bulat-bulat menafikan hak dan keistimewaan bumiputra dan enggan bekerjasama dengan Kerajaan dalam perkara ini, mereka sangat keterlaluan untuk mendesak hak mereka dan mengangap bumiputra akan menerima desakan-desakan mereka. Adalah mudah bagi pihak Pembangkang mengangap setengah daripada artikel-artikel Perlembagaan kita sewenang-wenangnya untuk menurut nafsu mereka. Mereka menerima tindakan yang lalu itu sebagai satu "wisdom" dan bukan dari dasar kemanusiaan dan mengangap perkara ini sebagai satu perkara yang tidak boleh diubah. Akan tetapi undang-undang dan perlembagaan mestilah sejajar dengan kemajuan pemikiran. Dengan kemajuan, perkara-perkara yang baru dapat diketahui, pandangan dan adat resam berubah menurut zaman, institusi-institusi juga turut berubah selaras dengan kehendak masa. Setiap jenerasi mempunyai hak untuk memilih satu Kerajaan yang dipercayai boleh membawa keamanan dan kemakmuran. Thomas Jefferson berkata dengan izin, "a solemn opportunity of doing this every 19 or 20 years should be provided by the constitution."

Saya berasal daripada jenerasi baru, jenerasi yang memerlukan perubahan supaya negara ini benar-benar menjadi satu negara Malaysia dalam semua ciri, karektur dan bentuk.

Keadaan eksklusif dalam negara kita di masa ini adalah hasil daripada baik hati kaum bumiputra membiarkan sekolah-sekolah China dan India menggunakan bahasa mereka selepas Merdeka. Sekiranya tokoh-tokoh kita yang awal dapat meramal-kan keadaan yang berlaku pada masa ini dan tidak bertolak ansur untuk menghapuskan pelajaran China dan Tamil sudah tentu kita tidak akan menghadapi masalah yang kita hadapi sekarang ini. Bagaimanapun, masih ada lagi masa untuk kita membaiki keadaan ini. Tindakan kita bukanlah mencerminkan tujuan dan kepercayaan tokoh-tokoh kita yang lalu oleh sebab mereka telah bertindak berdasarkan kepada keadaan yang wujud pada masa itu dan mereka dengan ikhlas mempercayai bahawa mereka telah dapat

menyelesaikan issue tersebut. Mereka tidak dapat disalahkan dengan apa yang terjadi pada hari ini oleh sebab cabaran-cabaran yang kita terima hari ini bukanlah datang dari zaman mereka. Cabaran-cabaran yang kita hadapi sekarang adalah tanggungjawab kita untuk mengatasinya.

Tuan Yang di-Pertua, masanya sudah tiba bagi Dewan yang mulia ini untuk memutuskan samada kita akan terus membenarkan sekolah-sekolah China dan Tamil dan bahasa-bahasa tersebut di papan-papan tanda di jalan-jalanraya di negeri itu. Saya, seratus peratus berpendapat bahawa kita harus menutup sekolah-sekolah jenis tersebut dan menyekat sama sekali penulisan papan-papan tanda dalam bahasa-bahasa itu. Sekiranya tindakan-tindakan ini kelak bertentangan dengan Artikel 152 Perlembagaan maka kita harus merombak Perlembagaan tersebut demi kepentingan rakyat dan negara. Kalau kita gagal melakukan hakikat ini bermakna kita menghampakan amanah yang diamanatkan oleh rakyat dan juga melenyapkan harapan dan aspirasi jenerasi baru kita yang tidak mahu melihat negara mereka dicap oleh identiti orang asing. Adakah kita mahu mewujudkan identiti kita atas asas kemelayuan, kechinaan atau keindiaan. Saya rasa sudah pasti kemelayuan atau kebumi-puteraan kerana tidak ada alternatif yang lain demi survival negara kita.

Kalau langkah-langkah ini juga ditentang dengan bertopengkan demokrasi kita haruslah menginsafi bahawa penyakit yang kita alami sekarang ini adalah berpunca daripada demokrasi. Rakyat telah jemu dengan patriotism yang berpura-pura. The democratic Government is Government by public opinion—the majority public opinion. Pendapat majoriti daripada rakyat hari ini ialah untuk menutup sekolah-sekolah aliran China dan Tamil dan juga penggunaan bahasa-bahasa itu di papan-papan tanda.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu membangkitkan perkara yang sensitif dan melanggar Undang-undang Sedition.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, itu saya setuju. Tak boleh bercakap mengenai perkara seumpama itu lagi. Sekali sebut sudah, jangan diulang-ulang.

**Tuan Mark Koding:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin berterus terang dan memberitahu hal ini kepada mereka yang mendewa-dewakan pengajian bahasa lain bahawa hakikat Perlembagaan kita hendaklah bukan sahaja dibaca keseluruhannya tetapi juga hendaklah dihormati. Mereka yang pada hari ini bangga menjerit-jeritkan bahawa mereka berhak menurut Perlembagaan memajukan bahasa-bahasa mereka adalah orang-orang yang menjadi pencabar hak istimewa kaum bumiputra yang juga termaktub bersama dalam Perlembagaan kita. Orang-orang inilah juga yang terlibat menentang pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita. Perdana Menteri kita sebagai pemimpin negara kita yang mendapat mandat penuh daripada rakyat untuk melaksanakan dasar tersebut telah berkali-kali menegaskan bahawa matlamat dan Dasar Ekonomi Baru kita mesti dicapai sebagaimana menurut jadualnya demi kepentingan kebangsaan kita. Setiap pemimpin yang berfikiran waras dan rakyat jelata bersetuju dan mengakui pendapat beliau dan bekerja keras ke arah matlamat itu lebih-lebih lagi masanyapun sudah singkat.

Meskipun demikian hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan rakyat negara kita terdapat pula golongan yang menentang dasar dan cara pelaksanaan Kerajaan. Mereka telah melakukan apa juga langkah menghalang dan menentangkan serta cuba menutup peluang-peluang itu atas dasar tidak memberi kerjasama supaya Kerajaan berputus asa. Mereka bukan melakukan setakat ini sahaja malahan menyebarkan kempen-kempen yang berkesan memperkecilkan dasar dan pelaksanaan langkah dan jentera Kerajaan. Menerusi kempen-kempen tersebut mereka menghasut fikiran rakyat, rasa tidak puas hati dengan nada perkauman. Sikap ini pada kasimpulannya sama seperti pepatah Inggeris—"what is mine is mine and what is yours is also mine." Walaupun orang-orang ini sadar hikmat dasar-dasar kita untuk mewujudkan perpaduan menerusi perimbangan ekonomi di kalangan rakyat yang majoritiya masih mundur tetapi pencabar-pencabar itu sengaja menimbulkan suatu keadaan yang akan menimbulkan kacau bilau kepada negara.

Seluruh negara mengetahui dendam atau konflik tersembunyi ini mestilah kita mengiakkannya atau mencari jalan penyelesaian yang

boleh diterima oleh rakyat. Berikutan dengan peristiwa 13 Mei dahulu telah diakui bahawa cara kita mencapai keharmonian kaum yang kekal hanyalah menerusi perseimbangan ekonomi atau economic equality. Adalah juga diakui bahawa sekiranya bumiputra terus tertinggal di belakang dalam bidang ekonomi dan hak-hak mereka dinafikan maka akan mudahlah tercetus malapetaka. Atas sebab-sebab tersebut dan untuk menjaga hak-hak kaum bumiputra maka lahirlah Rukunegara dan Dasar Ekonomi Baru. Dasar-dasar ini dibuat setelah diadakan konsultasi antara pemimpin berbilang kaum. Matlamat dasar tersebut telah memberi harapan baru dan sekali lagi ia menawarkan kita kesempatan untuk membina sebuah negara yang makmur, maju dan bersatupadu. Sungguhpun begitu, seperti di masa yang sudah-sudah ada di kalangan kita pula terutama sekali mereka di bidang perindustrian yang berada di kawasan-kawasan bandar telah melupakan perhitungan ini. Kebencian mereka terhadap Dasar Ekonomi Baru dan pencabulan mereka yang menjejaskan prinsip-prinsip Rukunegara hampir sampai ke peringkat kemuncak kesabaran kaum bumiputra.

Dasar Ekonomi Baru dan pelaksanaannya telahpun diterima oleh segenap lapisan rakyat dan prosesnya untuk mengimbangkan keadaan ekonomi kita telahpun dinyatakan. Peluang-peluang telah diadakan kepada mereka yang dahulunya tidak mendapat kesempatan seumpama itu. Langkah-langkah menghapuskan pengenalan kaum menerusi bidang kemiskinan dan kesenangan seseorang telahpun diperkenalkan di semua peringkat rakyat. Pusat-pusat bandar baru telah dirancang untuk memodenkan sektor luarbandar dan memberikan rakyat kemudahan-kemudahan pelajaran, sosial, pekerjaan dan peluang-peluang pekerjaan sebarang penentangan terhadap dasar ini merupakan elemen-elemen anti nasional. Mereka yang menentang dasar ini adalah orang yang cuba mengekalkan status-quo ekonomi di kalangan berbagai kaum. Sementara mereka menjerit-jeritkan ketidakberpatutan dasar ini terhadap golongan orang-orang yang berada mereka tidak pula berani menyebut keuntungan yang mereka peroleh menerusi pelaksanaan Rancangan Pembangunan Malaysia yang kedua dan ketiga yang bertujuan mencapai matlamat tersebut. Negara buat pertama kalinya dalam sejarah kemodenan kita membelanjakan \$31,544 juta sepanjang jangka pelaksanaan

kedua-dua rancangan tersebut—dari jumlah peruntukan yang dibelanjakan itu sebahagian besar hasilnya dibolot oleh kaum bukan bumiputra yang pada hari ini menjerit-jerit itu. Kaum bumiputra yang sepatutnya mendapat sebahagian besar daripada peluang tersebut cuma mendapatnya melalui peluang-peluang yang baru. Untuk melatih dan membentuk satu masyarakat perdagangan bumiputra adalah perkara yang paling rumit. Proses ini akan mengambil masa yang lama untuk bumiputra bersaing dengan kaum yang lain. Misalnya di Kota Kinabalu, Sabah di mana terdapat lebih kurang 700 buah kedai runcit, tidak ada satupun kedai runcit atau kedai borong bumiputra. Di Sandakan dan di lain-lain bandar besar di Sabah juga kita dapati keadaan yang sama.

Usaha-usaha bumiputra yang tulus ikhlas untuk menubuhkan kedai-kedai runcit telah dijejaskan oleh satu barisan kumpulan yang ditubuhkan oleh peniaga-peniaga yang bukan bumiputra yang telah established. Kaum bumiputra yang tadi berani menceburkan diri mendapati bahawa mereka terpaksa memberhentikan perniagaan kerana menanggung kerugian yang begitu besar, kadang-kadang melibatkan simpanan seumur hidup dan harta benda. Mereka terus berjualan di gerai-gerai menjual sayur-sayuran, keluaran pertanian secara kecil-kecilan. Kontrektor-kontrektor bumiputra susah untuk mendapat bekalan bahan-bahan bangunan. Kalaupun bumiputra mencuba untuk berniaga bahan-bahan membekalkan kontrektor-kontrektor, ianya akan diboiкот oleh kontrektor-kontrektor bukan bumiputra. Inilah drama trajedi dalam alam perniagaan yang dihadapi oleh bumiputra akan tetapi kita terdengar pula chorus suara daripada kaum bukan bumiputra bahawa mereka tidak mendapat layanan yang adil.

Kita dapati banyak jaminan-jaminan mulut daripada kumpulan-kumpulan merayu untuk keharmonian kaum dan perpaduan negara. Akan tetapi tindakan-tindakan mereka adalah bertentangan dengan apa yang dikatakan. Perseimbangan ekonomi adalah menjadi perkara politik untuk kita mencapai perpaduan negara. Pernah dikatakan bahawa perpaduan negara adalah mustahak untuk stabiliti, ekonomi, sosial, politik dan pembangunan negara. Macam manapun, dalam hal kita perpaduan negara tidak akan dapat dicapai tanpa perseimbangan ekonomi antara kaum. Adalah tidak masuk akal jika kita bercakap mengenai kestabilan politik dan sosial me-

nerusi perpaduan negara sekiranya syarat-syarat untuk mencapainya tidak dipenuhi. Perseimbangan ekonomi hendaklah dicapai terlebih dahulu dan ini hanya dapat dilaksanakan melalui Dasar Ekonomi Baru yang mungkin akan memakan masa bertahun-tahun. Adalah menjadi tanggungjawab tiap-tiap negara untuk menyokong dasar dan langkah-langkah melaksanakannya dan bukan untuk menolaknya. Saya ingin menekankan di sini bahawa bukan semuanya rakyat tidak mahu hidup dalam keadaan aman dan harmoni serta bekerjasama dengan Kerajaan. Mereka yang cintakan negara ini mahukan perhubungan yang harmoni antara kaum. Mereka yang taat setianya menjadi tanda tanya adalah mereka yang mimpikan bahawa negara ini akan dibanjiri dan dikuasai oleh orang-orang asing. Mahukah kita membiarkan elemen-elemen yang tidak sihat ini menghancurkan masa depan negara kita? Tentu tidak, kita tidak akan membiarkan perkara ini berterusan dan kita hendaklah mengambil tindakan yang sesuai menghancurkannya.

Semangat perkauman sudah bermula di negara ini. Mereka yang mempunyai perasaan perkauman telah berusaha untuk membelakangi undang-undang yang mungkin menimbulkan semangat dan perasaan perkauman di kalangan bukan bumiputra terhadap Kerajaan dan bumiputra. Semenjak tahun 1969 keadaan ini telah reda sedikit dan rakyat pun berhati-hati untuk menimbulkannya. Bagaimanapun, pihak-pihak chauvinist dan perkauman serta elemen-elemen anti nasional memikirkkan bahawa adalah selamat untuk mereka sekali lagi memainkan sentimen-sentimen dan emosi rakyat. Pihak DAP mendapat sokongan-sokongan daripada kaum mereka melalui sentimen dan emosi mereka dan memberi gambaran yang salah mengenai dasar pelajaran dan Dasar Ekonomi Baru. Kaum yang bukan bumiputra telah diberitahu bahawa kedua-dua dasar ini adalah bertentangan dengan kepentingan mereka. Parti tersebut secara terbuka mendesak bahawa ianya boleh memperjuangkan kepentingan hak orang-orang China. Ciri-ciri yang seperti ini mendesak pada orang-orang yang bukan bumiputra dan simbol parti mereka dipertingkatkan sebagai satu identiti Malaysia. Mereka yang ingin mempertahankan identiti kaum mereka yang sebenarnya adalah mereka yang mimpikan untuk merebut kuasa mutlak politik daripada bumiputra menerusi DAP.

Mereka gagal merebut kuasa menerusi pertumpahan darah akan menganggap DAP sebagai jentera mengisi cita-cita mereka dengan menggunakan luan-luan demokratik. Ada kalangan anggota-anggota Barisan Nasional sendiri yang secara senyap-senyap menyokong DAP kerana ia juga akan memenuhi maksud mereka. Dengan kedudukan ekonomi mereka ini secara perlahan tetapi berkesan, mereka akan dapat menambah pengaruh politik mereka; mereka juga berharap untuk menakluki negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, cuba ringkaskan bahagian ini, carilah aspek yang lain.

**Tuan Mark Koding:** Baiklah, terima kasih. Saya sama sekali tidak percaya dan menolak kononnya rakyat mengundi DAP semata-mata mahu membuat perimbangan atau mahu wujudkan sebuah parti Pembangkang yang kuat mengawasi Kerajaan Barisan Nasional.

Kita sebagai Wakil-wakil Rakyat yang matang hendaklah berani bercakap tentang hal ini secara gentlemen dan sederhana tanpa membimbangkan rakyat atau menjejaskan tenteraman masyarakat kita. Marilah kita kaji sedalam-dalamnya asas yang kita bina selama ini samada ia teguh menampung generasi yang akan datang. Oleh sebab Kerajaan British tidak memerlukan perbelanjaan satu senpun untuk membinakan kaum-kaum imigran menubuhkan sekolah masing-masing dengan menggunakan bahasa pengantarnya sendiri maka perkara ini terbiar tanpa sekatian mengenai mata pelajaran yang dijalankan. Murid-murid di sekolah ini lebih mementingkan mata pelajaran Ibunda daripada mempelajari perkara-perkara di negara ini. Mereka meraikan pesta kebudayaan dan lebih mempertahankan adat tradisi masing-masing. Oleh sebab perbuatan British kita dapati orang-orang Melayu dan Bumiputra tinggal di luar bandar, orang-orang India tinggal di estet-estet, orang-orang China tinggal di bandar-bandar dan di lombong-lombong berdekatan dengan pusat-pusat pentadbiran. Kawasan bandar memberi peluang-peluang ekonomi dan kemudahan-kemudahan pelajaran, peluang-peluang pekerjaan dan perhubungan dengan dunia luar. Oleh yang demikian, penduduk-penduduk bandar lebih maju dalam bidang pelajaran, teknikal dan ekonomi sementara penduduk-penduduk di luar bandar tidak berupaya memperbaiki keadaan mereka.

Penduduk-penduduk di negara kita ini ketahui akan perbezaan ekonomi antara kaum akan tetapi pentadbiran penjajah yang ketat tidak memberi peluang untuk mereka menyuarakan kesusahan mereka terutama sekali penduduk-penduduk di luar bandar. Akan tetapi kesedaran politik sebelum dan selepas perang mengancam kedudukan kaum imigran yang mewah dan menganggap kemerdekaan sebagai satu ancaman terhadap mereka. Mereka mendesak untuk mendapat hak yang sama akan tetapi tidak menyuarakan tentang persamaan peluang ekonomi dengan bumiputra tempatan. Mereka tidak bercakap tentang obligasi dan tanggungjawab yang diberi bersama-sama hak tersebut.

Sejarah kita memperakui tentang perhubungan yang sensitif antara kaum. Keadaan ini menjadi cemas apabila komunis cuba merampas kuasa daripada Kerajaan-kerajaan Negeri selepas perang. Perkara ini berlaku lagi apabila penjajahan British cadangkan Persekutuan Tanah Melayu. Keadaan trajidi yang berlaku dalam tahun 1969 masih lagi terbayang dalam ingatan kita dan semua rakyat berharap perkara ini tidak akan berlaku lagi. Tetapi apakah yang telah kita lakukan supaya keadaan buruk itu berlaku lagi? Apakah syarat-syarat yang perlu untuk menjamin keharmonian kaum dan perpaduan negara?

Waktu perayaan Hari Kebangsaan yang lalu kita telah mengatakan bahawa negara kita ini telah mencapai zaman kematangan. Kita semuanya sudah matang dan seharusnya dapat menyelesaikan masalah-masalah yang menghadapi kita secara orang yang sudah matang. Kita seharusnya dapat mencari jalan untuk mencapai penyelesaian yang muktamad. Dalam masa 20 tahun Dewan yang mulia ini bersama-sama Wakil Rakyat yang dilantik oleh rakyat telah mempertimbang dan membahaskan banyak dasar-dasar yang penting dan issue yang bertujuan membentuk satu negara yang aman makmur dan progresif. Kita telah membincangkan dan meluluskan dasar-dasar tentang Bahasa Kebangsaan, sistem pelajaran, kebudayaan kebangsaan yang boleh memberi identiti nasional.

Beberapa tahun yang lalu kita telah menerima dasar kebudayaan nasional. Waktu meraikan Hari Kebangsaan yang ke 21 kita telah memilih satu slogan bahawa perpaduan negara melalui kebudayaan nasional. Dasar kebudayaan nasional adalah hasil daripada

pertimbangan dan rundingan seluruh negara yang dibuat oleh Majlis yang telah dilantik untuk membuat rekomendasi-rekomendasi yang mana telahpun membuat laporannya. Kita telah menerima bahawa kebudayaan nasional hendaklah berasaskan kebudayaan Melayu dan ciri-ciri kebudayaan lain yang sesuai dimaktubkan bersama-sama. Dasar ini telahpun dilumpuhkan oleh pihak Pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkit perkara tersebut dalam Dewan yang mulia ini adalah dengan harapan bahawa masalah-masalah rumit yang menghadapi negara ini dapat diselesaikan. Dewan ini, yang merupakan institusi penggubal undang-undang yang paling agong, paling tinggi di negara ini adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikan perkara ini. Kita hendaklah menentukan samada negara Malaysia akan menjadi negara yang berasaskan ciri-ciri tempatan ataupun ciri-ciri kebudayaan asing. Negara Malaysia mestilah tinggal sebagai negara yang berbentuk tempatan dan apa sahaja usaha untuk menukarkannya hendaklah ditentang berhabis-habisan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh bekas Perdana Menteri, sekiranya perpaduan tidak dapat dicapai melalui kerjasama dan cara yang adil ianya hendaklah dicapai melalui paksaan. Nampaknya cara-cara ini telahpun gagal. Oleh yang demikian, masanya telah sampai supaya Kerajaan menggunakan cara yang lain.

Akhirnya, saya ingin menyatakan di sini bahawa apa yang saya katakan di sini adalah dibuat secara ikhlas. Kita mesti dan hendaklah menerima bahawa keharmonian kaum dan perpaduan negara masih lagi satu perkara yang dimimpikan. Terlalu banyak perakuan mulut dan mengelakkan masalah-masalah nasional. Mereka tidak mahu perkara ini diselesaikan "once and for all". Kerajaan tidak mendapat kerjasama di dalam perkara ini oleh pihak-pihak yang tertentu. Cuma Kerajaan dan Bumiputra secara bersendirian berusaha untuk menyelesaikan perkara ini. Oleh yang demikian, mereka hendaklah tegas dan bersatu padu. Tindakan-tindakan yang positif hendaklah diambil untuk memperbaiki keadaan ini. Dasar Ekonomi Baru hendaklah dilaksanakan dengan usaha-usaha yang lebih tanpa lari daripada tujuan yang asal. Dasar Pelajaran Kebangsaan hendaklah diteruskan dan sekolah-sekolah bangsa lain hendaklah diberhentikan di atas kepentingan nasional.

Penggunaan papan tanda dalam bahasa-bahasa yang lain hendaklah dilarang dan dasar kebudayaan nasional hendaklah dilaksanakan untuk membentuk negara kita yang berasaskan keadaan tempatan. Hanya melalui langkah-langkah ini kita dapat membentuk satu negara Malaysia yang benar-benar bersatu padu.

Saya percaya pandangan dan cadangan saya yang berterus terang ini akan diterima oleh jenerasi muda. Kita sebagai jenerasi muda, akan menghadapi masalah ini di masa hadapan yang mana telah disebabkan oleh kejadian dan dasar hari ini. Kita mahu mewarisi sebuah negara yang aman, bersatu padu, makmur, progresif dan stabil, sebuah negara yang kukuh untuk menghadapi sebarang tekanan, dugaan, pengaruh dan kuasa-kuasa asing. Kita tidak mahu mewarisi negara yang berpecah-belah dan bercerai-berai.

6.23 ptg.

**Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan bersama menyokong cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau berkaitan dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebelum saya memulakan perbahasan atas perkara yang hendak diucapkan, sukaiah saya menarik perhatian dalam Dewan yang mulia ini dan sukaiah juga saya menerangkan perasaan sedih di atas beberapa ucapan terutama sekali daripada parti DAP yang telah mengambil kesempatan menyalahgunakan peluang yang ada kepada mereka dalam membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas perkara-perkara yang tidak ada kaitannya dengan ucapan itu. Saya berharap pihak Pembangunan sedemikian menghormati Dewan ini dan berucap apa yang patut diucapkan.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menitikberatkan umur negara kita sudahpun cukup 21 tahun merdeka dan dengan ini bermakna kita telah mempunyai satu jenerasi yang telah cukup umurnya dan Malaysia pada ketika ini mempunyai jenerasi yang matang setelah kita mencapai kemerdekaan, dan

jenerasi ini yang berumur 21 tahun terdiri daripada kalangan-kalangan belia, pemuda pemudi dan hidup dengan penuh cabaran.

Tuan Yang di-Pertua, inilah dia ketikanya seperti dalam ucapan saya pada ketika yang lalu iaitu zaman peralihan ataupun dalam bahasa Inggerisnya "transitional period" sejak kita mencapai kemerdekaan mengambil alih daripada zaman penjajahan telah hampir tamat dan ketika inilah sepatutnya para pemimpin khususnya dalam bidang politik hendaklah memikir sedalam-dalamnya bagi masa hadapan negara kita bukannya dalam ketika ini pemimpin-pemimpin parti mengeluarkan buah fikiran yang kusut, mengeluarkan pendapat-pendapat yang mengeliru, menimbulkan masalah-masalah kepada jenerasi muda yang baru menikmati kemerdekaan negara. Inilah yang paling penting yang pemimpin-pemimpin yang ada pada hari ini tidak seharusnya pemimpin-pemimpin politik pada ketika ini mengambil kesempatan menyalahgunakan peluang-peluang yang ada pada mereka menimbulkan issue yang berupa corak perkauman, menimbulkan issue yang boleh menjejaskan perpaduan di dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, jelas daripada Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong menitikberatkan masalah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh muda mudi, menitikberatkan

pembangunan dasar ekonomi dan menitikberatkan dasar pelajaran yang telah termaktub, yang telah diterima oleh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia ini juga menitikberatkan perkara keselamatan dalam negara kita. Negara kita mengamalkan dasar bebas dalam bidang perniagaan dan melalui dasar ini negara kita terbuka seluas-luasnya kepada dunia dan termasuk warganegara asing ke dalam negara ini juga bebas. Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, sayugialah pihak rakyat kita, pihak pemimpin-pemimpin kita memikirkan tentang soal keselamatan yang boleh menyelamatkan negara kita pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara-perkara yang penting telah dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia. Salah satu yang menarik perhatian ialah masalah ekonomi kita yang sedang berkembang dengan pesat dan teguh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat suka hendak sambung esok, bolehlah sambung.

Dewan ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok, Khamis, 12hb Oktober, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*